



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5857]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1982

Jawatankuasa (Hari Kedua)—

Jadual—

Maksud B. 1 hingga B. 15 [Ruangan 5894]

Maksud B. 16 hingga B. 22 [Ruangan 5906]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1982

Jawatankuasa (Hari Kedua)—

Maksud P. 7, P. 8 dan P. 9 [Ruangan 5894]

Maksud P. 16, P. 18, P. 19, P. 20 dan P. 21 [Ruangan 5906]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P., D.P., D.U.P.N. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N., (Batu Berendam).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SERI SHARIFF AHMAD, S.S.A.P., D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N., (Pulau)

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi)
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SING SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (MATA KUCHING).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Dato' Shahrir bin Abdul Samad, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjang).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAFA (Paloh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSMERY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah, PUAN SHARIFAH DORAH BINTI SYED MOHD.,
A.M.N., B.S.I., P.I.S. (Semerah).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN
MAHYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar
Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K.,
S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ TAN SRI DATO ABDUL SAMAH BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K.
(Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K. (Semarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota
Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD, ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P.
(Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang
Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHEAL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWIN ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang
Lupar).

Yang Berhormat DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).

- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Bentong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).

- Yang Berhormat TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N.,
S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH,
D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.
(Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S.,
P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading)
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan
Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik
Pulau).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B.
(Tumpat).

Yang Berhormat TUAN TING CHEK MING (Bruas).

- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 13hb November, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-*
kan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

KEAHLIAN MALAYSIA DALAM
KOMANWEL

1. **Tuan Au How Cheong** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah keuntungan bagi Malaysia seterusnya menjadi ahli negara-negara Komanwel.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan sebelum ini, Komanwel adalah satu pertubuhan yang penting memandangkan beberapa manfaat-manfaat tertentu yang diperolehi dari pertubuhan tersebut. Sebagai contohnya kita dapat melihat kepentingan-kepentingan tersebut ditinjau dari segi peluang-peluang berkongsi pengalaman-pengalaman yang ideal dan mempunyai persamaan di kalangan negara-negara ahli dalam usaha meningkatkan lagi pembangunan di dalam Komanwel, melalui satu kerjasama dan sikap saling bantu-membantu yang mana boleh memperteguhkan lagi hubungan di antara negara-negara ahli dan masyarakatnya. Faedah-faedah dan manfaat-manfaat ini juga dapat dilihat dalam bentuk kemampuan negara-negara ahli berhubung sesama sendiri dalam usaha menyelesaikan masalah-masalah bersama. Selain dari itu, pertubuhan tersebut juga mempunyai beberapa rancangan-rancangan bantuan teknikalnya yang dibiayai oleh Tabung Komanwel bagi kerjasama teknikal di mana negara-negara ahli

menerima bantuan teknikal dan pakar-pakar dalam bidang-bidang perubatan, pertanian, perindustrian dan pembangunan kraftangan, pembangunan dalam pemasaran barang-barang eksport, pelajaran dan kursus-kursus latihan dalam bidang pengawalan narkotik pengurusan pelabuhan, pertukaran perangkaan dan barangan. Setakat ini Malaysia telah menerima bantuan dalam bidang-bidang tersebut berjumlah \$5.34 juta. Oleh yang demikian, tidak dapat dinafikan bahawa Komanwel mempunyai beberapa manfaat tertentu. Sesungguhnya kita tidak mempersoalkan perkara ini. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Dewan ini di awal sidang yang lalu, potensi Komanwel itu telah tidak dipergunakan sepenuhnya dalam usaha-usaha mencapai satu kerjasama yang benar-benar berfaedah di kalangan masyarakat Komanwel sendiri. Dalam perkara ini apa yang ingin kita lihat ialah supaya negara-negara ahli maju dapat memberi sumbangan ke arah membantu mengurangkan masalah-masalah dan rintangan-rintangan yang dihadapi oleh negara-negara ahli yang sedang membangun. Sebagai contohnya mereka boleh membantu memberi peluang-peluang pemasaran yang lebih besar kepada barang-barang keluaran negara-negara ahli yang sedang membangun dengan cara menghapuskan sekatan-sekatan perdagangan dan lain-lain rintangan bagi mewujudkan satu aliran perdagangan yang bebas dan dengan ini akan meningkatkan lagi pembangunan ekonomi untuk jangka panjang bagi semua negara-negara ahli. Dengan cara ini, Komanwel akan dapat memberi sumbangan penting di dalam Dialog Utara-Selatan dan dapat mempengaruhi negara-negara maju yang lain dalam usaha ke arah melaksanakan dengan segera satu Peraturan Ekonomi Antarabangsa yang baru. Di

samping itu, negara-negara maju juga akan dapat membantu mengurangkan yuran-yuran pelajaran yang tinggi.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, mengenai manfaat-manfaat yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebentar tadi, saya ingin hendak bertanya dapatkah Kerajaan kita mencapai manfaat yang sama di platform antarabangsa yang lain seperti U.N., ASEAN, Persidangan Negara-negara Islam dan sebagainya. Jadi, apakah keutamaan bagi Komanwel diletakkan dibandingkan dengan badan-badan yang lain.

Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, Pertubuhan Komanwel mempunyai objektif-objektif yang hampir serupa walaupun tidak serupa dengan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang lain yang juga diaggotai oleh Malaysia.

Dalam konteks ini kita pertamanya memberikan keutamaan kepada negara-negara berjiran dan di dalam konteks ini juga ASEAN merupakan negara-negara yang pertama yang kita berikan perhatian yang lebih penting dan selain daripada itu kita memberikan perhatian yang penting juga dengan negara-negara Islam dan selepas itu negara-negara anggota lain dalam Komanwel.

Tuan Racha Umong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagai ahli berapakah sumbangan Malaysia kepada Pertubuhan Komanwel pada tiap-tiap tahun, bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini.

Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat ingat di sini, saya minta izin kalau diberi notis.

Tetapi dari segi-segi yang lain Malaysia juga telah pun mengeluarkan wang sebanyak \$1 juta untuk dimasukkan sebagai cagaran ataupun deposit di dalam tabung yang digunakan hasil daripada faedah-faedah yang diperolehi untuk tujuan-tujuan kerjasama teknikal.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Komanwel ini adalah suatu warisan dari keagungan Inggeris tetapi bila Setiausaha Parlimen telah menyebutkan tentang kerjasama yang mungkin didapati dari

Komanwel, saya ingin bertanya kepada beliau apakah yang telah dicapai oleh Komanwel dalam menghadapi masalah mahalanya harga bayaran persekolahan di Britain di mana lebih kurang 86,000 pelajar dari Komanwel termasuk 20,000 dari Malaysia sedangkan dahulu 900 pound sekarang 3,000 pound sampai 5,000 pound dan apa yang berlaku keutamaan telah diberi oleh Britain terhadap pelajar-pelajar dari EEC.

Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soal yang disebut oleh Yang Berhormat itu ialah tentang masalah kenaikan yuran bagi pelajar-pelajar kita yang mengikuti pelajaran-pelajaran tinggi di negara Komanwel, khususnya di Britain dan perkara ini adalah satu daripada perkara yang telah dibincangkan di peringkat sessi Executive di Persidangan Kemuncak Pemimpin-pemimpin Komanwel di Melbourne baru-baru ini di mana ketua delegasi kita Yang Berhormat Menteri Luar mewakili Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun menyuarakan di dalam agenda berhubung dengan mobility penuntut-penuntut negara-negara Komanwel, tetapi dukacita di dalam perkara ini tidak ada satu persetujuan yang telah pun dicapai oleh ketua-ketua negara Komanwel tentang masalah mengurangkan yuran ini. Hanya di dalam keputusan sessi itu telah diambil kira tentang pentingnya anggota-anggota negara Komanwel, khususnya negara-negara yang lebih maju memberi perhatian yang lebih serius tentang hakikat bahawa kenaikan yuran yang tinggi ini telah menjejaskan movement ataupun mobility penuntut-penuntut di kalangan negara Komanwel khususnya negara-negara yang membangun. Perkara ini telah pun diambil kira tetapi tidak ada satu formula ataupun langkah-langkah yang lebih positif daripada pengiktirafan itu terhadap soal-soal yang berkaitan dengan yuran sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian tadi nampaknya banyak juga baiknya kita berada di dalam Komanwel, tetapi beliau ada juga sebut yang kita harap-harapkan itu lebih banyak daripada Komanwel seperti

perdagangan dan juga seperti yang dibangkitkan untuk menolong penuntut-penuntut ini sekarang masih kita mengharap kepada mereka. Kalau perkara-perkara yang diharapkan oleh kita itu tidak dapat ditolong oleh mereka, adakah kemungkinan kita akan tarik diri daripada Komanwel?

Tuan Yang di-Pertua: Soal yang dimisalkan itu tidak diizinkan oleh Peraturan Mesyuarat.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sungguhpun tadi Setiausaha Parlimen telah menyatakan banyak keuntungan yang diperolehi oleh semua ahli-ahli Komanwel tetapi adakah pihak Setiausaha Parlimen sedar bahawa keuntungan yang lebih adalah dikecap dan akan terus dinikmati oleh ahli-ahli Komanwel yang awal iaitu United Kingdom Australia, Canada dan New Zealand, misalnya dari segi menguatkan bahasa ibunda mereka sebagai bahasa antarabangsa. Jadi adakah pihak Setiausaha Parlimen bersetuju bahawa sekali sekala kita perlu gembar-gembur berkenaan sesuatu untuk menyedarkan negeri-negeri ahli-ahli asal ini tentang tanggungjawab mereka yang perlu mereka tunaikan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini tidak perlu dijawab. Gembar-gembur cara macam mana, kalau sebutkan bagaimana caranya boleh saya benarkan soalan ini.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah dasar dan pendirian baru telah diambil oleh Malaysia terhadap sikap keangkuhan dan keakuan negara-negara big brother seperti Britain dan Australia terhadap Malaysia terutamanya dalam bidang imbalan pembayaran dan juga dalam bidang yuran pelajaran di mana layanan diberikan terhadap Malaysia adalah dianggap tidak begitu adil?

Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebut tadi memanglah langkah-langkah telah pun kita ambil dengan negara-negara maju di kalangan anggota Komanwel dengan cara perbincangan dan juga dengan seruan-seruan yang telah dibuat oleh pemimpin kita sendiri supaya sikap negara-

negara maju anggota Komanwel ini diubah. Apa yang kita tekankan di dalam aspek Komanwel ini ialah tentang peri mustahaknya kesedaran itu diwujudkan di kalangan negara-negara yang telah maju untuk membantu negara-negara yang masih membangun ataupun yang masih belum maju dan dalam hal ini perkara-perkara yang berkaitan sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli yang Berhormat itu menjadi satu perhatian yang utama. Oleh yang demikian, sememangnya khususnya di sidang kemuncak pemimpin-pemimpin Komanwel yang diadakan di Melbourne pandangan-pandangan Malaysia telah pun mencerminkan keputusan ataupun comunique yang telah pun dikeluarkan oleh ketua-ketua negara Komanwel tersebut, terutama dalam bidang kerjasama ekonomi di antara negara-negara maju dengan yang belum maju dalam Komanwel. Dalam aspek lain kerjasama dalam bidang-bidang perdagangan dan juga perhatian yang telah pun kita berikan sebagaimana yang saya sebutkan tadi dalam bidang pelajaran, mobility penuntut-prnuntut, dalam bidang kerjasama yang lain dan juga tentang masalah serantau yang berlaku khususnya berkaitan dengan Kampuchea, berkaitan dengan Afganistan dan perkara-perkara yang ada berkepentingan dengan negara anggota-anggota Komanwel yang ada di rantau ini khususnya negara Malaysia.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari penjelasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi menyatakan tidak ada kata sepakat yang dapat dicapai di Australia baru-baru ini. Soalan saya apakah tindakan Kerajaan Malaysia terhadap masalah pelajar ini, sama ada kita hendak mengalihkan pandangan pelajar kita daripada pergi ke United Kingdom atau ke mana-mana negara ahli Komanwel yang lain yang layak dengan syahadahnya.

Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, inilah satu perkara yang sedang berlaku sekarang ini, khasnya dalam bidang pengajian tinggi di mana dengan sebab mahalunya kos pengajian tinggi di Britain maka Kementerian Pelajaran khususnya telah mengambil langkah dan juga

agensi-agensi yang lain yang menghantar penuntut-penuntut kita belajar ke luar negeri mengambil langkah yang positif mengalihkan tempat-tempat pengajian ini daripada Britain, umpamanya, ke Canada dan ke India ataupun negara-negara anggota Komanwel yang lain yang dikira lebih murah belanja untuk pengajian ini daripada Britain. Inilah langkah yang telah pun diambil dan kita akan sentiasa memerhatikan sekiranya perlu kita akan menjalankan usaha-usaha lain untuk menghantar penuntut-penuntut kita bukan sahaja ke negara-negara anggota Komanwel tetapi negara-negara lain yang berjiran dan juga di luar daripada Komanwel.

PERKHIDMATAN AWAM

2. Tuan Kamaluddin bin Maamor minta Perdana Menteri menyatakan sama ada dalam usaha Kerajaan meninggi mutu perkhidmatan awam akan mengambil tindakan mengusir keluar pegawai-pegawai dan kakitangan awam yang tidak berpontensi dari jawatan mereka dan bagi tujuan ini sama ada Kerajaan bercadang membenarkan pegawai-pegawai dan kakitangan awam yang berkenaan, bersara secara sukarela dengan mendapat kemudahan pencen.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha Kerajaan meninggikan mutu perkhidmatan awam, Kerajaan senantiasia mengharapkan pegawai-pegawainya mempunyai sikap disiplin yang tinggi di samping jujur, dedikasi, bertanggungjawab dan dapat menjalankan tugas dengan memuaskan. Mereka yang tidak mempunyai sifat-sifat seperti ini atau yang menyalahi tata kelakuan bagi pegawai awam tidak boleh diberikan tempat dalam perkhidmatan Kerajaan. Kerajaan boleh menamatkan perkhidmatan mereka demi kepentingan awam mengikut Perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tata Tertib) Bab 'D', 1980.

Soal sama ada mereka layak mendapat pencen atau tidak adalah terpulang kepada budi bicara Kerajaan atau merit sesuatu kes itu.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, seperti kata Menteri tadi ada undang-undang akan mengambil tindakan kepada pegawai-pegawai yang tidak bertata tertib dan tidak bertanggungjawab. Saya ingin mendapat tahu sekiranya ada pula pegawai-pegawai yang menjalankan tugasnya dengan baik, adakah mereka ini akan dinaikkan pangkat dengan tidak mengikut lama perkhidmatan bahkan dipandang daripada segi perkhidmatan yang cemerlang mengikut seniority dalam perkhidmatan ataupun kecemerlangan dalam perkhidmatan?

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, faktor kecemerlangan dalam perkhidmatan dan seniority adalah faktor-faktor penting bagi menentukan sama ada seorang itu layak untuk dinaikkan pangkat atau tidak. Tetapi walaupun begitu tidaklah bermakna bahawasanya bagi pegawai-pegawai yang layak itu semestinya ia selalunya mempunyai seniority atau kekananan barulah boleh dinaikkan pangkat. Ada kalanya di mana pegawai yang senioritynya itu tidak begitu tinggi biasa dinaikkan pangkat pegawai-pegawai yang lebih kanan berasaskan kepada kecemerlangan perkhidmatan pegawai berkenaan.

Tuan Lim Cho Hock: Bolehkah Kementerian yang berkenaan menimbangkan satu perkara untuk menaikkan mutu perkhidmatan awam, perkara itu di manamana satu tempat yang saya tahu seperti Negeri Perak, satu contoh Menteri Besar Perak

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah contoh. Apa soalnya? Ini yang panjang-panjang, contoh yang panjang-panjang saya tidak mahu benarkan soalan yang panjang-panjang.

Tuan Lim Cho Hock: Umpamanya seorang pegawai kanan di satu negeri beliau memegang banyak jawatan, dia pegang 20 atau 30 jawatan, menjadi Ketua Negeri Perak, atau Ketua Majlis Perbandaran, Ipoh, atau Ketua SEDC, Ketua Yayasan Tabung Negeri Perak dan lain-lain. Satu orang pegang 20 atau 30 jawatan di satu negeri dan bila kita hendak berjumpa dengan pegawai ini sangat susah

oleh kerana ia ada mesyuarat, di sana mesyuarat, di sini dan lain-lain. Bolehkah Kerajaan menimbangkan macam mana mengurangkan jawatan yang dipegang oleh satu pegawai kanan?

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Soalannya kalau saya dengar dengan tepat, bolehkah Kerajaan mengurangkan tindakan seseorang pegawai. Sayapun tidak

Tuan Yang di-Pertua: Hendak mengurangkan seseorang pegawai itu tidak memegang banyak jawatan. Sebab panjang sangat, contoh sana, contoh sini, saya tidak benarkan lagi, siapapun tidak beri contoh-contoh selepas daripada ini, membuang masa dan mengelirukan Menteri sendiri.

Dato Dr Hee Tien Lai: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa walaupun pihak Kementerian ada kuasa melalui undang-undang untuk membuang kerja sesiapa yang tidak bertanggungjawab atau tidak layak tetapi nampaknya undang-undang tidak digunakan dengan berkesannya, kerana saya dapati satu kes yang mana hanya seorang buruh kasar biasa sahaja yang pihak pejabat telah membuktikan bahawa pekerja ini tidak bertanggungjawab dan tidak layak memegang jawatan itu dan tiga orang Jurutera (Engineer) satu lepas satu telah membuat recommendation kepada Lembaga Tatatertib tetapi sampai hari ini sudah 4 tahun tindakan tidak diambil. Perkara ini telah menjadi satu

Tuan Yang di-Pertua: Ialah soalan tambahannya apa? Saya kata jangan bersyarah, hendak soal, tanya terus.

Dato Dr Lee Tien Lai: Soalannya jika Yang Berhormat Menteri sedar, apakah tindakan akan diambil atau adakah pihak Kementerian akan mengambil tindakan yang cepat, jika tidak pihak Pejabat berkenaan akan menghadapi discredit di pejabat-pejabat yang berkenaan.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, ada dalam hal-hal yang tertentu di mana Ketua Jabatan diberi kuasa untuk mengambil tindakan tatatertib ke atas

pegawai-pegawai di bawah jagaannya mengikut Perintah Am Bab 'D' itu. Sama ada dapat kita cepatkan satu-satu kes yang hendak diambil tindakan itu adalah bergantung kepada penyelidikan dan pertimbangan di atas satu-satu kes mengikut meritnya kerana walaupun kita ingin mengambil tindakan terhadap apa-apa kesalahan ataupun di atas kelakuan yang menyalahi oleh seseorang pegawai itu, kita mestilah juga memastikan bahawa tindakan yang diambil itu adalah benar-benar adil atau tidak berlaku kezaliman kepada pegawai yang berkenaan.

SELAT MELAKA—PENCEMARAN PERAIRAN

3. Datuk Dr Hee Tien Lai minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa Selat Melaka adalah yang paling kotor dan paling sibuk laluan laut di dunia; dan
- (b) sekiranya syarat-syarat yang diedarkan oleh Bahagian Alam Sekitar untuk mengawal minyak dan keluaran-keluaran kotor dari kapal dan juga pembuangan sampah ke dalam laut akan dilaksanakan tidak lama lagi, dan jika ya, bila.

Menteri Sains, Teknolgi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab Soalan:

(a) Saya sedar, Kementerian saya memang mengambil perhatian berat di atas pencemaran perairan Selat Melaka sejak tahun 1975 lagi.

Langkah-langkah telah diambil bagi mengurangkan dan mengatasi pencemaran perairan serta meningkatkan keselamatan pelayaran di Selat Melaka.

Satu Rancangan Kontingensi Kebangsaan Selat Melaka telah diluluskan oleh Jumaah Menteri pada 23hb Jun, 1976 dan projek ini diperuntukkan pada asalnya sejumlah \$23 juta yang kini telah meningkat kepada \$35 juta di bawah Rancangan Malaysia Keempat bagi menampung perbelanjaan membeli alat-alat kelengkapan dan kapa-kapal. Projek ini sedang dilaksanakan secara berperingkat-

peringkat yang mana peringkat mendapatkan tambahan-tambahan telah pun dilaksanakan seperti berikut:

- (i) Kapal Kerja (Work Boat) 2 buah iaitu "Lang Siput" dan "Lang Tiram" telah direkabentuk dan dibina oleh Syarikat Perkapalan, Pulau Pinang dan sekarang digunakan.
- (ii) Alat-alat untuk pengawalan tumpahan minyak telah pun diperolehi.
- (iii) 4 buah Bot Tunda (Tug Boat) telah ditempah dan 2 buah telah dibina dan digunakan.
- (iv) Kapal Ronda dalam projek ini masih lagi dalam pembinaan.

Rancangan ini dilaksanakan oleh Kementerian saya bersama-sama dengan agensi-agensi lain terutamanya Jabatan Laut Semenanjung Malaysia.

Satu Tabung Pusingan (Revolving Fund) bagi mencegah tumpahan minyak di Selat Melaka berpunca dari Negeri Jepun sebanyak 400 juta yen (lebih kurang M\$4 juta) sumbangan daripada 3 buah badan swasta Negeri Jepun iaitu:

- (i) Japan Shipbuilding Industry Foundation sebanyak 300 juta yen;
- (ii) Japanese Ship Owners Association sebanyak 50 juta yen; dan
- (iii) Petroleum Association of Japan sebanyak 50 juta yen.

Tabung ini ialah untuk membiayai pada permulaannya kos pembersihan sekiranya berlaku tumpahan minyak di perairan Indonesia, Malaysia atau Singapura.

(b) Memang benar Kementerian saya sedang giat menggubal peraturan-peraturan mencegah pelepasan minyak dan sampah sarap oleh kapal-kapal di Selat Melaka. Segala usaha ditumpukan supaya proses ini disegerakan dan mungkin diwartakan dalam Warta Kerajaan untuk dikuatkuasakan menjelang akhir tahun 1982.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada melaksanakan plan contingency yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi sukacita saya mendapat tahu apakah yang telah berlaku dengan skim Pengasingan Trafik (Traffic Separation Scheme) di Selat Melaka, yang dahulu ada dibangkit dan dibincangkan oleh pihak Kerajaan berkenaan dengan untuk mengatasi masalah keluaran-keluaran kotor dari kapal dan juga masalah-masalah yang lain.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tentang perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, perkembangan dan kedudukan sekarang ialah pelaksanaan skim pemisahan lalulintas di Selat Melaka telah dikuatkuasakan mulai 19hb Mei, 1981 yang mana diselenggarakan oleh Malaysia, Indonesia dan Singapura.

Di bawah skim ini ke semua kapal-kapal yang mempunyai draught yang dalam dan VLCC (very large crude carrier) dikenakan jarak di bawah lunas atau keel sekurang-kurangnya 3½ meter pada setiap masa dalam pelayaran di Selat Melaka.

Lalulintas yang menghala ke timur hendaklah belayar ke sebelah barat berhampiran Sumatra dan manakala lalulintas yang ke barat pula akan belayar ke sebelah timur menghampiri Malaysia. Skim ini pada dasarnya bertujuan untuk menjaga keselamatan pelayaran di Selat Melaka dan adalah dijangka ianya dapat mengurangkan kadar kemalangan dan tumpahan minyak.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan, Tuan Speaker, Jika sekiranya Selat Melaka adalah merupakan satu selat yang paling kotor di dunia ini maka apakah tindakan yang telah diambil untuk mengurangkan degree pollution di Selat Melaka dan juga berapakah tuannya kapal yang kapalnya mengotori Selat Melaka ini yang telah dihadapkan ke Mahkamah dan dihukum selama 3 tahun ini.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya jawab soalan bahagian (b) tadi segala usaha telah ditumpukan supaya proses disegerakan dan undang-undang kecil tentang perkara ini akan diwartakan pada menjelang akhir tahun 1982.

Tuan Lee Kaw: Soalan tambahan. Oleh kerana Kementerian yang berkenaan tidak cukup alat-alat dan tenaga penguatkuasa menjaga kapal-kapal yang membuang sampah sarap di Selat Melaka itu adakah Kementerian yang berkenaan akan menambah lebih ramai lagi pegawai dan satu langkah bolehkah Kementerian berkenaan bercadang di mana tiap-tiap kapal yang belum masuk Selat Melaka mesti ada pegawai-pegawai on board the ship, Tuan Speaker, menguatkuasakan undang-undang ini.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah dibincangkan dengan negara-negara jiran kita dan perkara ini belum dapat diterima oleh negara-negara yang memakai Selat Melaka ini. Sebelum kita dapat persetujuan dari mereka, kita tidak dapatlah menguatkuasakan skim itu.

PEPERIKSAAN PENILAIAN DARJAH LIMA—KERTAS SOALAN

4. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar bahawa terdapat beberapa kesilapan dalam kertas-kertas matapelajaran Peperiksaan Penilaian Darjah Lima untuk tahun ini yang menyebabkan murid-murid memberi jawapan-jawapan yang salah kerana mereka terkeliru dengan cara soalan-soalan itu ditanya apakah tindakan yang beliau akan ambil supaya kesilapan-kesilapan ini tidak berlaku lagi.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin): Tuan Yang di-Pertua, dari jawapan murid-murid, terbukti murid-murid tidak terkeliru dengan cara soalan Peperiksaan Penilaian, Darjah V tahun ini ditanya. Mungkin setengah-setengah ibubapa salah anggap berhubung dengan kebolehan anak-anak mereka.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu mensifatkan bahawa tidak ada sebarang soalan yang salah ataupun jawapan-jawapan yang tidak tepat pada soalan dalam peperiksaan penilaian itu.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kesilapan yang boleh mengelirukan murid-murid yang mengambil peperiksaan Darjah V tahun ini.

Dato Dr Hee Tien Lai: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah Kerajaan bercadang untuk membatalkan (do away with) Peperiksaan Penilaian Darjah V kerana saya percaya dan orang ramai pun percaya bahawa ujian ini tidak ada kegunaan langsung kerana kita tahu pada setiap tahun keputusannya adalah out of step dengan kebolehan murid-murid seperti. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah. Sudah faham, biar dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sila.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Kabinet berhubung dengan Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan ada memperakukan supaya Peperiksaan Penilaian Darjah V ini dimasukkan dan perkara ini sentiasa dikaji sama ada dapat dilaksanakan ataupun tidak.

BOT YANG MELAKUKAN KESALAHAN

5. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah jenis kesalahan dan berapakah jumlah yang diambil tindakan ke Mahkamah terhadap lebih daripada 1,000 buah bot yang telah melakukan kesalahan dalam sepanjang tahun 1980. Nyatakan cadangan Kerajaan untuk mengambil langkah mengatasi keadaan itu termasuk kemungkinan menambahkan lagi pengkalan-pengkalan Merin Polis.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Mengikut rekod yang terdapat di Jabatan Polis hanya ada 514 buah bot yang dilaporkan melakukan berbagai-bagai jenis kesalahan di

sepanjang tahun 1980. Pecahan mengikut jenis kesalahan adalah seperti berikut:

<i>Jenis Bilangan</i>	<i>Bilangan</i>
(1) Pukat tunda haram	102
(2) Pukat tunda melanggar syarat lesen	266
(3) Pukat tunda asing	2
(4) Kesalahan di bawah undang-undang Imigresen	61
(5) Penyeludupan	57
(6) Menangkap ikan dengan menggunakan bahan letupan	26
JUMLAH	514

Kesemua kes-kes itu telah diambil tindakan oleh pihak-pihak berkenaan melalui kompaun-kompaun dan tuduhan-tuduhan di Mahkamah.

Jumlah kompaun yang telah dikutip sepanjang tahun tersebut ialah lebihkurang \$114,837. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini ialah:

- (1) memperhebatkan lagi rondaan di kawasan-kawasan yang terlibat;
- (2) mengadakan rondaan bersama-sama dengan kapal-kapal dan bot-bot Tentera Laut diRaja Malaysia, Jabatan Perikanan dan Jabatan Kastam.
- (3) Menambah bilangan bot-bot atau kapal-kapal ronda Pasukan Polis Marin.
- (4) membina pengkalan-pengkalan baru di tempat-tempat seperti Pulau Langkawi; Lumut; Tanjung Puteri, Johor; Kemaman dan Pulau Redang, Terengganu.

KES KESALAHAN MEMILIKI/MENGEDAR DADAH

6. **Tuan Umar bin Haji Ismail** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sejak tahun 1980 berapakah jumlah kes kesalahan-kesalahan kerana memiliki/mengedar dadah dan berapakah jumlah berat dan nilai dadah yang dirampas itu.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kes-kes kesalahan kerana memiliki dan mengedar dadah dari tahun 1980 hingga Ogos, 1981 adalah:

Memiliki	11,217
Mengedar	196

Perangkaan bagi jumlah berat dadah yang dirampas dari tempoh itu adalah di-perturunkan seperti berikut:

Candu Mentah	179,757 gram
Candu Masak	24,144 gram
Heroin	63,600 gram
Morphine	25,164 gram
Ganja	634,962 gram

Bukanlah menjadi dasar Kerajaan untuk memberi nilai kewangan ke atas dadah-dadah yang telah dirampas oleh agensi-agensi penguatkuasa yang berkenaan.

Tuan Ismail bin Said: Selain daripada dadah yang dirampas daripada pengedar ini, adakah pihak Kementerian membuat sebarang rampasan terhadap harta-harta yang terbukti diperolehi hasil daripada pengedaran dadah ini. Jika ada, kalau Yang Berhormat ada angka, berapakah nilainya?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Sepanjang yang saya tahu, belum ada.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan ada 196 kes pengedar dadah yang didapati sabit kesalahan mereka ini. Dari 196 kes ini berapa orangkah yang telah dihukum dengan hukuman maksima iaitu hukuman mati?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya berkehendakkan notis.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa pengedaran dadah di negara kita ialah satu masalah yang begitu serius, suka saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah langkah yang telah diambil oleh Unit Narkotik dalam Kementerian untuk mencegah kemasukan dadah ke negara Malaysia dari Thailand?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, banyaklah cara yang digunakan oleh Anti Narkotik ini untuk mencegah dadah daripada dibawa masuk ke negara ini.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, apakah sudah terjadi mengenai rampasan dadah khasnya morphine, dan jika dasar Kerajaan memusnahkan dadah ini, adakah ianya mempunyai saksi-saksi?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, ada dua cara digunakan untuk memusnahkan dadah yang dirampas:

- (1) Membuangkan ke laut dengan saksi-saksi yang cukup.
- (2) Membakar juga di hadapan saksi-saksi yang cukup.

Tuan Racha Umong: Soalan tambahan. Oleh kerana dadah ini satu perkara yang susah untuk pihak Kerajaan mengesankan, adakah Kerajaan dapat cara yang paling baik atau paling moden untuk mengesannya, kalau ada apakah cara yang paling moden itu.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, ada banyak cara untuk mengesan dadah dan di antara yang paling baik ialah dengan menggunakan anjing.

Dato Yusof bin Malim Kuning: Saya sungguh terperanjat bila mendengar penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa 634,960 gram ganja telah dirampas. Soalan saya sama ada Yang Berhormat dapat makluman bahawa ganja ini yang ditanam di Malaysia atau dibawa daripada luar negeri dan kalau ditanam di Malaysia dari negeri mana ditanam?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya hanya menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri saya minta notis atas soalan tambahan ini.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebut tentang tangkapan seramai 196 orang pengedar, bolehkah beliau memberitahu

Dewan ini setelah tangkapan itu dibuat dan setelah hukuman dijalankan, apakah kesan dari tindakan menangkap pengedar-pengedar itu sama ada ketakutan di kalangan mereka dengan berkurangnya dadah, semakin bertambah atau biasa sahaja?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, jawabnya dengan tertangkap sebegitu ramai pengedar dadah maka adalah kesnya makin berkurangan.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, katanya mengesan dadah lebih berkesan ia menggunakan anjing. Adakah pihak Kerajaan mengkaji dari segi Islam kerana beg-beg orang Islam itu dijilat oleh anjing. Adakah perkara ini dirujuk kepada pihak fatwa ugama Islam.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, biasanya pihak Polis dan Kastam bercermat apakala mengendalikan beg-beg kepunyaan orang Islam.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, menurut jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, pihak yang berkenaan memusnahkan dadah ini. Saya ingin mendapat tahu bolehkah Kementerian yang berkenaan bercadang khasnya untuk morphine ini tidak payahlah dimusnahkan tetapi diberikan kepada hospital-hospital di mana hospital-hospital menggunakan morphine seperti pain killer; adakah cadangan seperti itu?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana barang-barang yang dirampas ini termasuklah morphine adalah satu bahan yang tidak boleh kita jamin tentang keselamatannya dan kebaikan untuk menjadi ubat maka tidaklah dapat dilakukan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

MENARIK BALIK SOALAN NO. 7

Tuan Yang di-Pertua: Soalan No. 7, Yang Berhormat Tuan Haji Ampong bin Puyon telah memberitahu saya bahawa beliau menarik balik soalnya.

KENDERAAN YANG DITAHAN OLEH PIHAK BERKUASA

8. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak kenderaan seperti lori, motokar dan juga bot ditahan oleh pihak-pihak berkuasa terlalu lama dan tidak boleh dituntut oleh tuannya-tuannya kenderaan tersebut sehingga kenderaan-kenderaan ini menjadi rosak dan jika ya, apakah tindakan yang diambil mengenai perkara ini supaya tuannya kenderaan-kenderaan ini tidak mengalami kerugian.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya juga pohon izin menjawab soalan ini bagi Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang ada terdapat kenderaan-kenderaan yang ditahan terlalu lama oleh berbagai-bagai pihak berkuasa. Sebab-sebab penahan yang lama dibuat ialah kerana sesuatu kenderaan yang ditahan tersebut terlibat dengan perbicaraan di mahkamah. Bagi kenderaan yang dibenarkan diambil oleh tuannya dengan syarat disediakan jaminan tuannya kenderaan itu pula tidak mampu menyediakan cagaran.

Adalah tidak benar jika dikatakan bahawa tuannya kenderaan tidak boleh menuntut kenderaan mereka kerana ada peruntukan yang membolehkan kenderaan-kenderaan yang ditahan dilepaskan untuk sementara waktu kepada tuannya-tuannya dengan syarat-syarat tertentu yang antara lain ialah:

- (a) kes-kes tersebut tidak dapat diselesaikan dalam masa yang singkat;
- (b) tuannya kenderaan dikehendaki mengemukakan wang cagaran atau jaminan sepertimana yang ditetapkan; dan
- (c) kenderaan tersebut hendaklah dikemukakan semasa perbicaraan di mahkamah.

PUSAT PENGAJIAN TINGGI— KEKURANGAN TEMPAT TINGGAL

9. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah kekurangan tempat tinggal yang dihadapi tiap-tiap tahun oleh penuntut-penuntut, terutama sekali penuntut-penuntut tahun pertama yang datang dari luar bandar di Pusat Pengajian Tinggi dalam negeri terutama sekali di Universiti Malaya.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kesemua universiti-universiti tempatan kecuali Universiti Malaya tidak menghadapi masalah tempat tinggal bagi pelajar-pelajar termasuk pelajar-pelajar baru. Bagi Universiti Malaya tidak semua pelajar-pelajar tahun pertama dapat ditempatkan di kolej kediaman kerana tempat-tempat di kolej-kolej kediaman tidak mencukupi. Ketika ini Universiti Malaya telah mengambil langkah-langkah bagi menambah tempat penginapan para pelajar seperti berikut:

- (1) membina dua buah asrama yang boleh menempatkan seramai 600 pelajar tiap-tiap satu asrama;
- (2) berusaha membesarkan suatu asrama, iaitu Asrama Ibnu Sina dari 250 pelajar menjadi 500 pelajar; dan
- (3) menyewakan bangunan-bangunan di luar kampus atas dasar kontrak untuk digunakan sebagai asrama bagi pelajar-pelajar.

Dato Dr Hee Tien Lai: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa penuntut-penuntut cacat di universiti-universiti kita tidak diberikan keutamaan (priority) untuk memiliki bilik dan juga bolehkah Timbalan Menteri membuat satu dasar supaya penuntut-penuntut cacat tidak memohon bilik tiap-tiap tahun.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar cacat kes perubatan seperti pelajar-pelajar buta, tempang dan kes-kes perubatan khas adalah diberi keutamaan di tempat-tempat kediaman di Universiti Malaya.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada pihak Kementerian ada mempunyai cara lain, iaitu misalnya mengadakan keluarga-keluarga angkat kepada pelajar-pelajar ini ataupun menempatkan pelajar-pelajar ini di rumah-rumah di mana ada ibu angkat menjaganya sebagai salah satu jalan untuk mengatasi masalah asrama dan sebagainya.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, pihak Universiti Malaya memang sedang berikhtiar dan berusaha menolong menempatkan pelajar-pelajar kita dan itu termasuklah sepertimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi.

PELABUHAN BEBAS PULAU PINANG

10. Tuan Karpal Singh minta Menteri Kewangan menyatakan jika ada cadangan beliau untuk memulihkan tradisi taraf pelabuhan bebas bagi Pulau Pinang memandangkan kepada keadaan ekonomi yang teruk dalam negeri itu yang telah terjadi akibat dihentikan taraf pelabuhan bebas itu.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada cadangan hendak memulihkan Pelabuhan Bebas Pulau Pinang.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, jikalau tidak ada cadangan, adakah Kerajaan bercadang beri gantirugi kepada Negeri Pulau Pinang atas perkara ini?

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada cadangan.

DISIPLIN ANGGOTA-ANGGOTA POLIS

11. Tuan P. Patto minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa disiplin di kalangan anggota-anggota Polis makin lama makin kurang sehinggakan beratus-ratus kes "assault" oleh anggota Polis ke atas rakyat biasa telah dilaporkan dalam tempoh yang singkat baru-

baru ini dengan kemungkinan banyak lagi kes seumpama ini yang tidak dilaporkan, jika ya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau supaya disiplin ditanamkan di kalangan anggota-anggota Polis.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan ini saya juga menjawab bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Saya sedar bahawa memang terdapat segolongan kecil anggota-anggota Polis yang kurang berdisiplin di dalam menjalankan tugas-tugas mereka. Walau bagaimanapun, dengan tindakan mereka itu tidaklah bermakna bahawa disiplin keseluruhan anggota Polis telah merosot. Tindakan yang tegas dan berkesan sentiasa dijalankan ke atas mereka yang melanggarkan disiplin.

Berhubung dengan kes "assault" pula, sejak tahun 1966 hingga Julai, 1981 terdapat sebanyak 725 pengaduan mengenai anggota Polis yang melakukan assault. Di antara jumlah tersebut 54 kes telah didengar di mahkamah, 17 orang didapati bersalah dan 13 orang dibebaskan. Sebanyak 24 kes masih di dalam perbicaraan dan 385 kes lagi telah tidak diambil tindakan lanjut kerana pengaduan adalah didapati palsu.

Langkah-langkah yang diambil untuk menanamkan disiplin di kalangan anggota-anggota Polis ialah:

- (1) mengambil tindakan yang tegas ke atas mereka yang melanggar disiplin, sama ada dengan mengenakan tindakan tatatertib atau didakwa di mahkamah;
- (2) menekankan keperluan tatatertib yang tinggi semasa menjalani latihan atau kursus di Pusat-pusat Latihan Polis; dan
- (3) mengadakan pengawasan yang lebih rapi oleh Pegawai-pegawai Kanan Polis terhadap anggota-anggota bawahan mereka.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut tiga langkah yang diambil oleh Kementerian supaya disiplin ditanamkan di

kalangan anggota-anggota Polis, saya ingin mendapat tahu sama ada beliau sedar bahawa beberapa hari dahulu terdapat satu kes di Gemencheh di mana dua pemuda mengadu bahawa mereka telah ditangkap, dipukul dan diseksa oleh seorang dua anggota Polis. Kalau sedar, adakah pihak Polis telah memulakan penyiasatan, dan sekiranya sudah mula, adakah pegawai atau anggota Polis yang berkenaan sudahpun diberhentikan daripada kerjanya semasa siasatan ini dijalankan?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, menjawab bahagian yang pertama, oleh kerana anggota Polis adalah ramai tentulah walaupun langkah-langkah diambil ada juga di kalangan mereka yang masih tidak mematuhi disiplin. Bagaimanapun, kejadian-kejadian seperti itu akan diambil tindakan dengan sewajarnya.

Mengenai dengan bahagian yang kedua tentang kejadian yang berlaku baru-baru ini saya berkehendak kepada notis.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa disiplin di kalangan anggota-anggota Polis yang baru memanglah merosot dan ini adalah khususnya oleh sebab latihan yang diberi kepada mereka itu adalah terlalu singkat. Oleh itu adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengalihkan cara dan juga tempoh latihan itu supaya balik seperti cara lama untuk mengutamakan kualiti dan kuantiti?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah sekarang ini sedang diambil untuk memanjangkan lagi latihan untuk pegawai-pegawai Polis yang baru.

PENUTUPAN SYARIKAT PERAK CARBIDE CORPORATION

12. **Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau sedar Kilang Syarikat Perak Carbide Corporation Bhd. 46 M/S Ipoh/Penang, Main Trunk Road,

Taiping telah ditutup mulai 1-9-1981 tanpa notis kepada pekerja-pekerja, jika sedar:

- (a) apakah sebabnya kilang tersebut ditutup;
- (b) bagaimanakah nasib pekerja-pekerja kilang tersebut; dan
- (c) bilakah kilang tersebut akan dibuka semula.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa kilang Syarikat Perak Carbide Corporation Bhd., Taiping telah ditutup mulai pada 1-9-1981 tanpa memberi notis kepada pekerja-pekerjanya.

Daripada penyiasatan yang telah dijalankan, didapati bahawa kilang tersebut ditutup oleh kerana 141 orang daripada 224 orang pekerja Syarikat telah tidak hadir bekerja pada 31-8-1981 iaitu, Hari Kebangsaan, walaupun pihak majikan telah memerlukan mereka hadir untuk bekerja. Dengan itu pihak majikan telah menganggap bahawa mereka dengan sendirinya telah memutuskan perjanjian perkhidmatan masing-masing.

Namun demikian, di atas usaha pendamaian yang dianjurkan oleh Pegawai-pegawai dari Kementerian saya, pihak pengurusan syarikat dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja dalam Perusahaan Petroliam dan Kimia yang mewakili pekerja-pekerja tersebut, telah berjaya mencapai satu persetujuan atas masalah penutupan kilang tersebut. Dengan persetujuan itu kilang tersebut telah dibuka semula mulai daripada 13-10-1981. Kesemua 141 orang pekerja yang terlibat itu telah ditawarkan kerja semula. Bagi tempoh kilang itu ditutup iaitu dari 1-9-1981 hingga 12-10-1981, ke semua pekerja dibayar gaji pokok dan Elaun Bantuan Khas sebagai bayaran muhibbah. Perkhidmatan mereka dalam tempoh itu juga dianggap tidak putus.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Speaker, apakah dasar Kerajaan mengenai masalah di mana majikan mahu memaksa pekerja-pekerja kerja hari pada Hari Kebangsaan dan kalau ini dibenarkan bukankah Hari Kebangsaan tidak bermakna dan bererti?

Tuan William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya rasa di setengah-setengah kilang di mana kerja itu tidak akan putus, jadi dalam keadaan begitu ada di dalam undang-undang Ordinan Pekerjaan, 1955 dibenarkan majikan untuk mewajibkan pekerja-pekerja datang kerja biarpun hari itu hari cuti am.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sama ada dalam kes ini barang yang dikeluarkan oleh Syarikat Perak Carbide Corporation Bhd. ini dianggap oleh Kementerian sebagai satu barang di mana pengeluarannya tidak boleh tergendala khususnya digendalkan kerana Hari Kebangsaan.

Tuan William Lye Chee Hien: Boleh ulang?

Tuan Yang di-Pertua: Cuba ulang sekali lagi.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan. Mengenai kes ini, adakah pihak Kementerian menganggap bahawa keluaran daripada kilang Syarikat Perak Carbide Corporation Bhd. ini adalah satu-satu barang di mana pengeluarannya tidak boleh tergendala khususnya akibat daripada cuti Hari Kebangsaan.

Tuan William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, pada saya sendiri belum pernah melawat kilang itu, jadi saya tidak tahu atas perkara ini tetapi bagaimanapun di bawah Ordinan Pekerjaan, 1955 majikan-majikan berhak meminta pekerja datang kerja biarpun Hari Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak tahu dia keluarkan apa? Karbait ataupun apa, tidak tahu? Tidak tahu barang yang dikeluarkan oleh syarikat ini, sebab belum melawat.

Tuan William Lye Chee Hien: Tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Sungguhpun Employment Ordinance adalah memperuntukkan bahawa pihak majikan adalah berhak untuk mewajibkan kaum pekerja untuk bekerja pada waktu-waktu

yang tertentu demi kepentingan ekonomi nasional, tetapi sebagai tanda untuk menghormati Hari Kebangsaan; adakah Kerajaan khasnya Kementerian Buruh untuk memberikan satu arahan bahawa semua kilang bercuti pada hari itu untuk merayakan supaya membolehkan kaum pekerja bersama-sama turut merayakan Hari Kebangsaan?

Tuan Yang di-Pertua: Tadi sudah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang Undang-undangnya boleh membenarkan.

PENERBANGAN MAS LAWAS KE BEKELALAN

13. Tuan Racha Umong minta Menteri Pengangkutan menyatakan memandangkan bahawa pada masa sekarang ianya mengambil masa di antara 30 hingga 35 minit dengan kapal terbang (MAS) ataupun enam hari berjalan kaki untuk sampai ke Bekelalan dan Long Semadoh dari Lawas, sama ada Kerajaan bercadang untuk memperbaiki sistem pengangkutan di antara tempat-tempat ini dengan tujuan untuk memudahkan rakyat di sana mengeksport keluaran utama mereka seperti beras, kerbau, lembu, pisang, limau, kobis, kopi dll. dan mengimport gula, minyak tanah, minyak kacang dan bahan-bahan binaan seperti zink, simen, paku dll.

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa pengangkutan udara memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi dan sosial di kawasan luar bandar di Malaysia Timur lebih-lebih lagi di mana terdapat pengangkutan jalan yang tidak memuaskan. Oleh yang demikian, MAS sentiasa mengkaji perkembangan penerbangan-penerbangan di kawasan ini. Umpamanya penerbangan-penerbangan di antara Lawas ke Bekelalan mulai bulan Ogos tahun ini telah bertambah dari 6 penerbangan seminggu kepada 7 penerbangan dan penerbangan seminggu dari Lawas ke Long Semadoh pada masa ini ialah sebanyak 6 kali.

Pihak MAS sedang membuat rancangan untuk menggantikan dua daripada empat pesawat Britten Norman Islander kepada jenis pesawat yang lebih besar iaitu yang boleh membawa 20 orang penumpang-penumpang.

Dengan ini kapasiti untuk perkhidmatan udara luar bandar MAS akan bertambah sebanyak 75%.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan Pertanyaan No. 14 hingga 24 adalah diberi di bawah ini)

BANTUAN KEWANGAN BAGI PERUMAHAN

14. Dato Michael Chen Wing Sum minta Menteri Kewangan menyatakan adakah mencukupi bantuan kewangan bagi memperuntukkan perumahan yang dikehendaki di bawah Rancangan Malaysia Ke-4 jika ada, apakah susunan yang telah diambil untuk membantu projek perumahan Kerajaan dan Pemaju Swasta.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Jumlah peruntukan permulaan bagi perumahan yang akan dilaksanakan oleh sektor awam di bawah Rancangan Malaysia Ke-Empat ialah sebanyak \$3,399.12 juta termasuk \$1,000 juta bagi skim perumahan awam kos rendah. Peruntukan ini akan dikaji semula dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-Empat dan jika didapati tidak mencukupi, tambahan peruntukan akan disediakan.

Mengenai pembiayaan skim perumahan awam kos rendah, bagi projek-projek sambungan mengikut konsep lama, pinjaman adalah diberikan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri oleh Kerajaan Persekutuan bagi melaksanakan projek-projek tersebut. Bagi projek-projek baru mengikut konsep "condominium", pembiayaan adalah dibuat dengan dua cara iaitu peruntukan secara langsung (grant) dan pinjaman. Peruntukan secara langsung (grant) adalah disediakan untuk membiayai kos infrastruktur dan untuk mempercepatkan proses pengambilan tanah. Ianya diberi kepada semua Kerajaan Negeri melalui Kumpulanwang Amanah Untuk Pembiayaan Projek-projek Rumah Awam Kos Rendah. Peruntukan pinjaman pula disalurkan melalui Malaysia Building Society Berhad (MBSB) bagi negeri-negeri di Semenanjung, Suruhanjaya Perumahan dan Pembangunan Sarawak bagi Negeri Sarawak dan Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar Sabah bagi Negeri Sabah.

Bagi projek-projek perumahan kos rendah yang dibina oleh Pemaju-pemaju Swasta, Kerajaan menyediakan pinjaman kepada MBSB untuk membeli rumah-rumah tersebut yang kemudiannya akan menyewakan rumah-rumah tersebut kepada mereka yang layak dengan pilihan untuk membelinya kelak.

PERDANA MENTERI/PRESIDEN SUHARTO—RUNDINGAN

15. Datuk Edwin anak Tangkun minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil dari rundingan beliau dengan Presiden Suharto di Jakarta baru-baru ini.

Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Lawatan yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri lakukan ke Jakarta pada bulan Ogos yang lalu adalah dilaksanakan di dalam konteks pertukaran pendapat dan konsultasi yang sering dilaksanakan di antara kedua-dua pemimpin negara Malaysia dan Indonesia. Perbincangan Y.A.B. Perdana Menteri dengan Presiden Suharto di waktu lawatan tersebut telah diadakan di dalam suasana muhibbah dan persahabatan. Kedua-dua pemimpin telah berbincang berbagai perkara yang menyentuh soal perhubungan dua hala di antara Malaysia dan Indonesia dan juga masalah serantau dan antarabangsa.

Presiden Suharto dan Y.A.B. Perdana Menteri telah melahirkan perasaan gembira terhadap perhubungan yang erat dan tali persahabatan yang kukuh yang terjalin di antara kedua-dua negara. Kedua-dua pemimpin mengambil maklum terhadap kerjasama yang baik di dalam berbagai-bagai bidang yang akan terus dipertingkatkan dan diperkukuhkan.

Y.A.B. Perdana Menteri telah menyatakan kepada Presiden Suharto bahawa Malaysia memberi keutamaan kepada kestabilan perhubungan dua hala di antara Malaysia dan Indonesia. Y.A.B. Perdana Menteri telah juga memberi jaminan bahawa dasar-dasar luar negeri Kerajaan Malaysia tidak akan berubah dengan pimpinan baru Kerajaan Malaysia dan menegaskan akan memberi perhatian sepenuhnya terhadap mengimplementasi dasar-dasar yang telah digariskan.

Presiden Suharto bersependapat dengan Y.A.B. Perdana Menteri bahawa pertubuhan ASEAN telah mencapai perkembangan yang sangat memuaskan sehingga berkeupayaan untuk memainkan peranan yang positif di dalam memberi sumbangan terhadap mencapai kesetabilan politik dan perkembangan ekonomi di rantau ini. Kedua-dua pemimpin bersetuju bahawa identiti ASEAN ini perlu dipelihara dan dipertingkatkan.

Masalah Kampuchea mendapat perhatian istimewa di dalam perbincangan Y.A.B. Perdana Menteri dengan Presiden Suharto. Kami bersetuju bahawa Deklarasi dan Resolusi dari Persidangan Antarabangsa mengenai Kampuchea yang telah diadakan di New York telah memberi sumbangan yang positif terhadap usaha-usaha mencari penyelesaian politik di Kampuchea. Juga kami telah menegaskan betapa pentingnya tentera-tentera asing di undurkan dari negara itu supaya rakyat Kampuchea diberi hak untuk menentukan masa depan mereka tanpa gangguan luar. Kedua-dua pemimpin itu juga membuat seruan supaya semua pihak di dalam pertikaian ini menyertai dan bekerjasama di dalam usaha-usaha menyelesaikan masalah tersebut berdasarkan kepada hasil dari Persidangan Antarabangsa mengenai Kampuchea.

Mengenai soal pencerobohan Soviet Union ke atas Afghanistan, Presiden Suharto dan Y.A.B. Perdana Menteri bersetuju bahawa penyelesaian politik terhadap masalah ini adalah penting dengan pengunduran tentera asing dan supaya rakyat Afghanistan dapat menentukan dengan sendiri corak Kerajaan yang mereka inginkan. Mereka juga berpendapat bahawa keamanan di Timur-Tengah hanya dapat dicapai apabila hak orang-orang Palestin dikembalikan, termasuk penubuhan satu negara yang merdeka dan berdaulat di tanahair mereka.

Lawatan Y.A.B. Perdana Menteri adalah satu lagi langkah di dalam memperkukuhkan tali persahabatan yang erat di antara Malaysia dan Indonesia. Dari segi ini, lawatan tersebut telah mencapai kejayaan yang diinginkan.

LESEN LORI "C"

16. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa penolakan permohonan untuk Lesen "C" telah menyusahkan peniaga-peniaga yang ingin menggunakan lori untuk mengangkut barang-barang mereka sendiri, dan menghalang kemajuan perniagaan mereka; jika sedar, nyatakan sama ada beliau akan memberi pertimbangan untuk mengeluarkan lesen tersebut kepada mereka yang benar-benar memerlukannya, jika tidak, mengapa.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan di bawah Kementerian saya ada mempunyai syarat-syarat tertentu di dalam membuat pertimbangan di atas permohonan-permohonan untuk mendapatkan lesen Lori "C". Syarat-syarat yang mesti dipenuhi semasa permohonan dibuat adalah:

- (i) Melengkapkan borang permohonan dengan menjawab ke semua soalan-soalan di dalam borang tersebut;
- (ii) Borang permohonan hendaklah diprakukan di hadapan Pengadil atau Pesuruhjaya Sumpah dan disetem;
- (iii) Menurunkan tandatangan;
- (iv) Mempunyai daftar perniagaan yang sah (bagi individu atau syarikat) atau Article/Memorandum of Association untuk syarikat sendirian berhad, yang perlu dimajukan bersama borang permohonan;
- (v) Sekurang-kurangnya berniaga lebih daripada 1 tahun; dan
- (vi) Mempunyai modal yang cukup.

Hanya pemohon-pemohon yang memenuhi ke semua syarat-syarat di atas yang akan dipanggil untuk temuduga. Tugas utama Jawatankuasa temuduga ialah untuk memilih pemohon-pemohon yang benar-benar memerlukan lori jenis "C" untuk membantu perniagaan mereka untuk diberikan lesen.

Pengeluaran lesen "C" yang sekarang berjumlah lebih daripada 65,000 adalah bukti yang jelas yang Kerajaan tidak menyekat pengeluaran lesen "C" untuk pengusaha-pengusaha mengangkut barang-barang sendiri.

PENYELEWENGAN KEWANGAN DI KEMENTERIAN/JABATAN

17. Tuan Ismail bin Arshad minta Menteri Kewangan menyatakan apakah tindakan tegas dan menjadi strategi Kerajaan sekarang ke arah mengelakkan atau membanteras-kan sebarang masalah penyelewengan dan ketidaksempurnaan penyelenggaraan kewangan negara di Jabatan-jabatan dan Kementerian seperti yang pernah berlaku dalam teguran Penyata Audit Negara baru-baru ini.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Jawapan kepada soalan yang hampir sama telah pun diberi oleh Y.A.B. Perdana Menteri semasa menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 12hb Oktober 1981.

Di samping itu saya juga telah memberi huraian mengenai perkara yang sama ketika menjawab soalan-soalan Ahli -ahli Yang Berhormat dari Baling dan Sungai Besi, masing-masing pada 6-11-81 dan 10-11-81. Oleh itu, saya tidak bercadang mengulanginya lagi.

PERMOHONAN KEWARGANEGARAAN

18. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah permohonan untuk mendapatkan kewarganegaraan yang diterima, jumlah dilulus, jumlah ditolak dan jumlah yang masih dalam pertimbangan dan nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menuruskan permohonan-permohonan tersebut dengan cepat.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Musa Hitam): Jumlah permohonan kewarganegaraan yang diterima sejak selepas Hari Merdeka hingga 30 September 1981 ialah sebanyak 2,372,665. Daripada jumlah tersebut sebanyak 2,267,548 telah diluluskan,

81,966 permohonan telah ditolak dan baki yang masih di dalam pertimbangan hanya berjumlah 23,151. Walau bagaimanapun tindakan yang sewajarnya sedang diambil terhadap tiap-tiap permohonan tersebut.

RANCANGAN BUKU HIJAU

19. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Rancangan Buku Hijau masih berjalan, apakah kesannya dan memandangkan kecenderungan Kerajaan untuk memusnahkan tanaman-tanaman yang ditanam secara haram, bukankah perbuatan-perbuatan seumpama itu bertentangan dengan matlamat Rancangan Buku Hijau serta juga bolehkah beliau mengeluarkan arahan supaya pihak yang berkuasa janganlah memusnahkan tanaman-tanaman haram yang menunggu untuk dituai dan sebaliknya membenarkan penanam-penanam menikmati hasil titik peluh mereka; jika tidak, mengapa.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman): Rancangan Buku Hijau adalah masih berjalan tetapi rancangan ini tidak menggalakkan penanaman tanaman secara haram. Sebaliknya, jika berlaku perbuatan sedemikian ianya bertentangan dengan tujuan Rancangan Buku Hijau. Tindakan memusnahkan tanaman secara haram adalah kuasa Kerajaan Negeri.

PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI MELAKA

20. Tuan Chan Teck Chan minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mempercepatkan tempoh pembangunan sosio-ekonomi Negeri Melaka yang masih terbelakang dan miskin ini, umpamanya secara memperlengkapkan kemudahan pelabuhan dan lapangan terbang, mempertambahkan peruntukan pembangunan bagi Majlis Perbandaran Melaka Tengah supaya pelbagai projek dapat dilaksanakan dan memberi keutamaan untuk memajukan perusahaan pelancungan, pertanian serta projek-projek perindustrian.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Negeri Melaka jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain, bukanlah negeri yang terbelakang dan miskin. Malahan ianya

tergolong dalam golongan negeri-negeri yang pendapatan pertengahan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) perkapita Negeri Melaka pada tahun 1980 mengikut harga tahun 1970 ialah \$1,469 lebih tinggi daripada beberapa negeri lain. Perbandingan ini boleh didapati dalam dokumen Rancangan Malaysia Keempat (RME) pada Jadual 5.2 muka surat 111.

Dalam mempercepatkan lagi tempoh pembangunan sosio-ekonomi Negeri Melaka, Kerajaan telah mengambil berbagai langkah yang telah, sedang dan akan dilaksanakan dalam berbagai projek pembangunan yang melibatkan berbagai jabatan di seluruh Negeri Melaka. Umpamanya mengenai kemudahan lapangan terbang di Melaka, pada masa ini pihak Jabatan Penerbangan Awam sedang giat melaksanakan kerja-kerja mengubahsuai dan menyediakan kemudahan-kemudahan asas di lapangan terbang di Batu Berendam. Projek ini dianggarkan menelan belanja sebanyak \$200,000 dan dijangka siap menjelang bulan Ogos tahun 1982. Kerja-kerja memperbaiki pelabuhan di Tanjung Bruas Melaka, yang mana meliputi kerja menggali Kuala Sungai Melaka dan memasang lampu di pelabuhan berkenaan, yang menelan belanja kira-kira \$15,000 telah pun siap dilaksanakan oleh JKR Melaka pada bulan Oktober, 1980 yang lalu.

Di samping itu pula secara umumnya perlu dimaklumkan bahawa Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak \$7.8 juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat bagi membiayai keperluan kemudahan pelabuhan di Melaka. Manakala jumlah peruntukan kepada Majlis Perbandaran Melaka Tengah juga telah ditambah dari \$3.4 juta dalam Rancangan Malaysia Ketiga kepada \$15 juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Kerajaan juga telah memberi keutamaan kepada projek-projek tertentu termasuk projek pertanian sepadu, pembangunan kawasan perindustrian, pembinaan kompleks pelancungan di Bandar Hilir dan di Tanjung Bidara Melaka serta berbagai projek yang lain yang telah dan sedang dilaksanakan, yang mana menelan belanja berjuta-juta ringgit semata-mata untuk meningkat dan mempercepatkan tempoh pembangunan sosio-ekonomi Negeri

Melaka. Seajar dengan matlamat Kerajaan ini, peruntukan pembangunan bagi Negeri Melaka telah ditambah dari \$566 juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga kepada \$940 juta dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Daripada jumlah ini lebih kurang 29% atau \$276 juta telah diperuntukkan bagi projek-projek sosial, 25% atau \$223 juta untuk projek-projek pertanian dan pembangunan luar bandar termasuk Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu, 15% atau \$144 juta untuk projek-projek perindustrian dan perdagangan termasuk pelancungan dan 6.6% atau \$62 juta untuk pengangkutan termasuk jeti Melaka dan lapangan terbang.

Hasil dari langkah-langkah di atas, KDNK perkapita Negeri Melaka dijangka meningkat kepada \$1884 dalam tahun 1985, menunjukkan paras kegiatan ekonomi yang kian meningkat.

KAD PERAKAM WAKTU— PENGUNAAN

21. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramaikah bilangan pegawai-pegawai awam telah diambil tindakan berdasarkan kepada lewatan datang bekerja dan adakah Kementerian beliau bercadang membuat peninjauan ke pejabat-pejabat Kerajaan Persekutuan dan Negeri berhubung hal ini, kerana kelewatan datang bekerja dalam satu daripada saluran rasuah. Nyatakan juga apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian tuan untuk mengatasi kesesakan di Pejabat-pejabat R.I.M.V. dan Pejabat-pejabat Kerajaan yang lain.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Sejak sistem penggunaan kad perakam waktu dimulakan atas dasar percubaan sambutan daripada pegawai-pegawai dan kakitangan adalah menggalakkan. Mereka telah mula datang ke pejabat lebih awal dan meneruskan kerja hingga lewat petang. Sehingga ini belum ada tindakan tata tertib diambil ekoran daripada penggunaan sistem itu.

Masalah kesesakan di Pejabat-pejabat Pengangkutan Jalan dan Pejabat-pejabat Kerajaan yang lain sedang dikaji dan tindakan sedang diambil bagi mengatasi masalah ini. Mengenai kesesakan di Pejabat-pejabat Pengangkutan Jalan umpamanya, berbagai langkah jangka pendek dan jangka panjang telah dan sedang diambil untuk mengurangkan orang ramai yang terpaksa berbaris di setiap Pejabat-pejabat Pengangkutan Jalan di seluruh negara. Langkah-langkah ini termasuklah kajian-kajian pengurusan kaunter dan penggunaan sistem menerima bayaran (receipting) yang moden, supaya dapat mempercepat proses bayaran waktu membaharui lesen.

BAHASA MALAYSIA DI PAPAN TANDA IBU KOTA

22. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa masih terdapat banyak lagi papan tanda dalam Bahasa Malaysia yang belum lagi diubahsuaikan dikuatkuasakan di Ibu Kota dan lain-lain negeri dalam Malaysia. Jika ya, bila, jika tidak mengapa?

Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf: Papan-papan Tanda yang sedia ada telahpun dilesenkan di bawah Undang-undang Kecil Iklan Perbandaran Kuala Lumpur 1954 yang mana tidak ada dinyatakan dengan tegasnya tentang keperluan penggunaan Bahasa Malaysia di papan-papan tanda. Dengan lain perkataan, peruntukan-peruntukan di bawah Undang-undang Kecil Iklan itu hanya menerangkan bagaimanakah cara pemasangan Papan Tanda supaya mematuhi peraturan dari segi kawalan bangunan dan mencegah kebakaran sahaja.

Walaupun demikian, mulai 1hb. Januari, 1981, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menguatkuasakan secara 'administrative' supaya semua Papan Tanda yang baru hendak dipamirkan mestilah mempunyai terjemahannya dalam Bahasa Malaysia di samping nama yang didaftarkan di Pejabat Pendaftar Syarikat atau Pendaftar Pertubuhan.

Di samping itu satu Undang-undang Kecil Iklan yang baru telahpun digubal di mana tiap-

tiap papan tanda diwajibkan mempunyai Bahasa Malaysia dan kedudukannya hendaklah diutamakan dan perkataan-perkataan dalam Bahasa Malaysia itu hendaklah lebih besar daripada perkataan-perkataan dalam bahasa-bahasa lain. Undang-undang Kecil Iklan yang baru ini masih lagi dikaji oleh Kerajaan sebelum dikuatkuasakan.

PENGGUNAAN RACUN "AGEN OREN"

23. Dato Dr Hee Tien Lai minta Menteri Pertanian menyatakan pendirian kementerian ini dalam kontroversi mengenai pengguna "agen oren" herticies yang meluas di Malaysia yang diketahui mempunyai kesan yang tidak baik.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Kementerian saya sedar tentang kontroversi yang timbul mengenai "agen oren" yang diperkatakan itu. Walau bagaimanapun, dari kajian yang dijalankan di Australia, Amerika Syarikat dan United Kingdom baru-baru ini, beberapa kajian telah dibuat ke atas racun rumput-rumpai 2,4,5-t yang mana adalah salah satu kumpulan "agen oren" yang dicurigai. Hasil dari kajian tersebut tidak ada bukti untuk menyokong dakwaan tersebut. Sungguhpun begitu Lembaga Racun Makhluk Perosak Kementerian Pertanian sedang mengkaji dengan teliti kedudukan perkara tersebut dan tidak akan keberatan untuk mengambil tindakan-tindakan yang sesuai apabila didapati perlu. Perlu dijelaskan di sini bahawa keluaran-keluaran 2,4,5-t adalah masih diluluskan untuk penggunaan di Amerika Syarikat, United Kingdom, Jerman Barat, Switzerland dan banyak lagi negara-negara lain. Pihak Pertubuhan Makanan Sedunia (FAO) juga telah mengeluarkan penentuan-penentuan bagi penggunaan racun tersebut.

BEKALAN MEE SEGERA

24. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pertahanan menyatakan sebab-sebab mengapa suatu kontrak diberi bagi membekalkan 'mee segera' pada harga \$3.90 dan \$4.90 sebungkus bagi Sarawak dan

Sabah menurut harga masing-masing bagi tempoh masa 8.1.1977 hingga 31-12-1978 apabila harga "mee segera" pada waktu itu ialah 14 sen sebungkus di Semenanjung Malaysia; nyatakan nama pembekal yang terlibat; apakah sebab bahan tersebut tidak dibeli menurut kontrak Semenanjung Malaysia dan ini dapat menjimatkan wang sebanyak \$962,000 dan apakah tindakan yang diambil untuk mencegah supaya perkara tersebut tidak berulang lagi.

Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Kontrak telah diikat untuk membekalkan "mee segera" dengan harga \$3.90 dan \$4.90 sebungkus bagi Sarawak dan Sabah masing-masing, berbanding dengan harga 14 sen sebungkus di Semenanjung Malaysia ialah kerana cara membeli "mee segera" adalah berlainan di antara Semenanjung Malaysia dan Sarawak/Sabah. Di Semenanjung Malaysia "mee segera" adalah menjadi item tunggal dalam proses tender dan oleh itu penilaian tender adalah berasaskan kepada perbandingan harga yang ditawarkan oleh semua penender bagi item tunggal itu sahaja. Sebaliknya bagi negeri Sarawak dan Sabah, "mee segera" adalah satu daripada 52 item dalam tender yang dipelawa dan dengan sebab itu tawaran harga untuk "mee segera" sahaja dari penender-penender yang mengambil bahagian tidak dibandingkan di antara satu dengan lain. Sebenarnya, penilaian tender adalah berdasarkan kepada kemurahan harga pada keseluruhannya yang meliputi semua 52 item yang dimaksudkan itu dan tawaran adalah diterima dari penender yang mengemukakan harga yang sesuai dari segi kemurahan. Dengan lain perkataan, penilaian tender bagi Sabah/Sarawak adalah ditimbang secara 'package deal' dan bukan bagi tiap-tiap satu item.

Nama pembekal ialah Syarikat Pembekalan Anika Jaya Sdn Bhd. bagi negeri Sarawak dan Syarikat Lok Kawi Sdn Bhd bagi negeri Sabah.

"Mee segera" tidak dibeli menurut kontrak bagi Semenanjung Malaysia kerana pada masa itu Kementerian ini mempunyai kontrak berasingan bagi Sabah/Sarawak yang mana, seperti yang telah diterangkan, adalah

berasaskan kepada sistem khas yang digunakan bagi kedua-dua negeri itu.

Tindakan yang diambil untuk menentukan bahawa perbezaan harga seperti ini tidak berulang lagi di masa hadapan ialah bagi Kementerian ini mengkaji dengan sedalam-dalamnya harga bagi tiap-tiap satu item untuk menentukan sama ada harga itu merupakan harga pasaran ataupun tidak sebelum tawaran tender diterima dari satu-satu penender.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1982

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1982

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1982 dan Anggaran Pembangunan, 1982 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis" (Hari Kedua).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-*
kan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Majlis sedang menimbangkan peruntukan bagi perbekalan di bawah Maksud B. 1 hingga B. 15 dan Maksud Pembangunan P. 7, P. 8 dan P. 9 di bawah Jabatan Perdana Menteri dan sebagaimana yang saya telah umumkan petang semalam sebelum Dewan ditangguhkan, saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

Maksud B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11, B. 12, B. 13, B. 14 dan B. 15 (Jadual)—

Maksud P. 7, P. 8 dan P. 9 (Anggaran Pembangunan, 1982)—

4.07 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Pengerusi, saya suka terlebih dahulu mengucapkan berbilang-banyak terima kasih

pada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan teguran di atas Belanjawan 1982 mengenai Jabatan Perdana Menteri. Seberapa boleh dan seberapa ringkas saya akan memberi jawapan kepada perkara-perkara yang diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Baling telah bercakap mengenai dengan perjalanan Parlimen dan melahirkan rasa tidak puas hati beliau di atas perjalanan Parlimen kita. Beliau merujuk kepada Buku 'The Malay Dilemma' muka 11 karangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan katanya beliau bersetuju dengan pendapat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai dengan perjalanan Parlimen yang kata Ahli Yang Berhormat itu tidak sebegitu berkesan.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan perkara ini sukalah saya nyatakan bahawa buku Yang Amat Berhormat itu, 'The Malay Dilemma' telah dikarang dalam tahun 1970 iaitu 11 tahun dahulu dan dalam tempoh 11 tahun itu, Tuan Pengerusi, banyak perubahan-perubahan dan kemajuan-kemajuan berlaku di merata-rata termasuklah juga mengenai dengan perjalanan Parlimen kita ini.

Ahli Yang Berhormat itu tidak sebegitu khusus atau spesifik apakala menyatakan tentang kelemahan dan kurangnya kesan perjalanan Parlimen kita. Apa yang kita amalkan sekarang, Tuan Pengerusi, adalah mengikut Perlembagaan Negara dan Peraturan Majlis Mesyuarat Parlimen. Sepatutnya kewajipan Ahli Yang Berhormat itu memberitahu secara khusus apa yang difikirkan masih tidak sempurna dan berkehendak diperbaiki sama ada cara meminda undang-undang ataupun Peraturan Mesyuarat ataupun lain-lain cara lagi dan tidaklah sekadar mengkritik secara umum sahaja.

Mengenai peranan yang dimainkan oleh Parlimen dan Executive maka peranan ini ada tercatat di dalam Perlembagaan negara kita dan masing-masing mengetahui tentang peranannya dan tidak patut timbul apa-apa keraguan di kalangan Ahli Yang Berhormat itu. Sekiranya pihak Executive membuat

kesilapan ataupun melakukan sesuatu yang bertentangan dengan peraturan, maka bolehlah Ahli-ahli Parlimen sekalian membuat teguran dari semasa ke semasa.

Seperti Ahli Yang Berhormat semua mengetahui, Tuan Pengerusi, Kerajaan memang ada membuat pindaan kepada undang-undang, termasuklah Peraturan Majlis Mesyuarat dari semasa ke semasa dengan tujuan memperbaiki perjalanan Parlimen ini.

Ahli Yang Berhormat kemudian membahas mengenai perancangan Kerajaan dan menyatakan Kerajaan tidak memberi perhatian yang sewajarnya kepada perkembangan kerohanian dan menyediakan rancangan-rancangan pembangunan dan dasar-dasar perindustrian.

Bagi menjawabnya adalah tidak benar Kerajaan tidak memberikan perhatian kepada aspek kerohanian dalam kita mengejar kejayaan dalam pembangunan materialisma. Kerajaan adalah sadar akan pentingnya di wujudkan pembangunan yang bersepadu yang dapat memenuhi kedua aspek pembangunan iaitu lahiriah dan rohaniah. Dalam projek-projek Kerajaan sendiri, adalah dipastikan semuanya tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam.

Dalam hubungan ini suka saya memaklumkan bahawa Kerajaan sedang menubuhkan satu Badan Perunding yang terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan dan tokoh-tokoh Islam membuat penilaian terhadap usaha-usaha pembangunan yang telah dan akan dijadikan oleh Kerajaan. Dengan jalan demikian Kerajaan akan dapat pandangan sama ada sesuatu rancangan pembangunan itu sesuai daripada prinsip-prinsip Islam atau sebaliknya. Badan Perundingan itu juga kelak akan dapat membantu menentukan apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk membantu menentukan apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengambil kira keperluan Islam dalam usaha pembangunan, misalnya di lapangan perindustrian.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menegur berkenaan dengan tugas Ahli-ahli di dalam Perkhidmatan Awam dan melahirkan

rasa tidak puas hati dalam beberapa hal dan mengenai beberapa aspek Perkhidmatan Awam.

Saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada langkah-langkah pemodenan yang telah dilaksanakan untuk mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan yang diberi oleh anggota perkhidmatan awam negara kita. Kerajaan telahpun membaharui Perintah Am Bab 'D' untuk menjelaskan tentang tatakelakuan dan tatacara anggota perkhidmatan awam dan dengan iringan Buku Panduan Perkhidmatan Cemerlang akan mencipta perkhidmatan awam yang jujur, bersih dan dedikasi. Penentuan tugas yang dilakukan melalui skim-skim perkhidmatan membezakan berbagai-bagai jenis jawatan pentadbiran dan profesional akan mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan kerana masing-masing mengetahui dengan jelasnya tugas dan matlamat perkhidmatannya. Latihan-latihan yang dianjurkan oleh INTAN dan Jabatan-jabatan adalah bertujuan untuk meninggikan lagi taraf pengiktisas kerja-kerja yang dijalankan oleh berbagai jenis dan lapisan perkhidmatan awam. Oleh hal yang demikian itu adalah perlu dibezakan diantara umpamanya tugas-tugas Perkhidmatan Pegawai Tadbir Am dengan Pegawai Tadbir Ugama. Percantuman berbagai-bagai jabatan itu akan menimbulkan keadaan yang kelam-kabut dan dikhuatiri tidak dapat mencapai tujuan mem-pertingkatkan mutu perkhidmatan.

Menyentuh mengenai BSN, Ahli Yang Berhormat menyatakan Kerajaan menghalang tindakan yang diambil terhadap orang-orang politik yang menyalahgunakan kuasa. Saya suka menafikan sekeras kerasnya yang Kerajaan atau kuasa politik ada menghalang tindakan diambil terhadap orang-orang politik yang menyalahgunakan kuasa. Seperti yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri BSN adalah bebas untuk menyiasat sesiapa jua yang disyaki mengamalkan rasuah. Tuan Pengerusi, kita juga dapat menyaksikan beberapa orang ahli politik telahpun dihadapkan ke mahkamah berhubung dengan rasuah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan telah pun dijalankan atas ramai orang di mana yang ada cukup bukti, maka kes-kes mereka di bawa ke Mahkamah dan pihak BSN tidaklah dapat berbuat apa-apa terhadap kes-kes yang mana buktinya tidak mencukupi. Adalah tidak wajar bagi Ahli Yang Berhormat pada ketika ini membuat kesimpulan bahawa usaha-usaha untuk mengurangkan amalan rasuah dalam negeri ini akan gagal.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah mengatakan bahawa Perancang Keluarga yang dianjurkan oleh Kerajaan Malaysia bercanggah dengan agama Islam. Suka saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Perancang Keluarga adalah usaha dari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang mana badan ini banyak menyumbangkan wang untuk menjayakan Perancang Keluarga di negara membangun supaya rakyatnya akan lebih sempurna.

Konsep Perancang Keluarga di Malaysia ialah hendak melahirkan ibu yang sihat dan merancangkan ibu yang melahirkan anak itu sekurang-kurang dalam masa penyusuan (weaning period), barulah ia melahirkan anak yang kedua dengan bermacam cara yang dinasihatkan oleh pakar-pakar perubatan. Al-Quran sendiri menyatakan bahawa masa penyusuan itu adalah dua tahun. Rancangan ini disesuaikan pada masa yang dikehendaki dalam Al-Quran itu, tidakkah ini ajaran Islam? Negara Malaysia sedang membangun di segi rohani dan jasmani memandangkan begitu pesat pembangunan dan konsep yang dijalankan ialah hendak mengimbangkan pertumbuhan pembangunan ekonomi dengan kelahiran anak untuk mengwujudkan masyarakat yang jadi perseimbangan. Ini juga termasuk di dalam ajaran Islam supaya masyarakat menjadi umat yang pertengahan di tengah-tengah perimbangan di antara ekonomi dan makanan dan keperluan lain.

Saya suka menyatakan lagi bahawa amalan dalam perancang keluarga ialah menyusun dan menjarang sedikit kelahiran supaya ibu menjadi sihat. Ibu yang sihat.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Sabar!

Tuan Mohd. Nahkaie bin Haji Ahmad: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat boleh beri jalan?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Yang Berhormat telahpun mendapat gilirannya. Suka saya menjelaskan lagi bahawa cara menjarangkan anak telah pun berlaku di zaman Rasulullah s.a.w. menurut beberapa Hadis yang diriwayatkan oleh Muslim.

Dari huraian di atas bolehlah dibuat kesimpulan bahawa menjarangkan anak tidak dilarang oleh Islam apa lagi tujuan Perancang Keluarga di negara kita ini adalah hendak memberi kesihatan kepada ibu-ibu supaya mereka menjadi ibu yang sihat. Juga konsep ini akan memberi perimbangan pertumbuhan ekonomi di negara Malaysia.

Kedua-dua faktor ini adalah sejajar dengan apa yang dikatakan oleh Tuhan di dalam Al-Quran, yang bermaksud:

“Allah memberi kemudahan dan perlindungan kepada manusia dengan wang dan keturunan generasi”.

Menyentuh berkenaan dengan Pusat Penyelidikan Islam, suka saya menyatakan usaha-usaha sedang dijalankan bagi memperkemas lagi organisasi Pusat Penyelidikan Islam ini. Kakitangannya ditambah dari semasa ke semasa dan usaha-usaha dijalankan untuk meningkatkan lagi kemahiran mereka.

Hasil kajian dan penyelidikan Pusat Penyelidikan Islam disalurkan kepada beberapa badan, antaranya ialah:

- (a) Persidangan Ketua-ketua Jabatan Ugama Islam Malaysia.
- (b) Muzakarah Mufti seluruh Malaysia—ini mengenai dengan hukum.
- (c) Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam, Malaysia.
- (d) Lain-lain lagi.

Menjawab berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat terhadap LUTH, sukalah saya memberitahu Dewan yang mulia ini,

pada hari Wukuf hingga pada hari Tasyrik, semua orang Islam yang berada di Mekah termasuk pegawai-pegawai LUTH dan rombongan kesihatan dan Syeikh Haji berangkat ke Arafah dan Mina. Dalam keadaan demikian, tidaklah dapat pihak LUTH menghubungi Sheikh Haji dengan Jumaah Haji yang berkenaan itu untuk menguruskan pengkebumian sehingga selepas mereka balik semula ke Mekah.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini juga passport si mati telah dipegang oleh Sheikh Haji yang berkenaan dan mengikut amalan dan peraturan di Mekah, sebelum pengkebumian dilakukan, pihak yang berkuasa berkehendakkan kepada passport si mati.

Tuan Pengerusi, beberapa orang Ahli Yang Berhormat juga telah menyentuh berkenaan dengan kemudahan-kemudahan di Bangunan Parlimen ini termasuklah lampu-lampu, pancutan air, pagar dan sebagainya.

Sukalah saya menyatakan di sini bahawa pemasangan lampu-lampu pancutan air dan pagar sedang diselenggarakan oleh pihak-pihak yang berkenaan termasuk JKR dan dijangka tidak lama lagi akan siap.

Ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang mencadangkan supaya pihak Parlimen mengadakan sebuah Bas Mini ataupun motor bagi mengangkut Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya daripada Sabah dan Sarawak.

Mengenai dengan hal ini, dukacita buat masa ini, Parlimen tidaklah dapat mengadakan kenderaan itu dan pihak Ahli-ahli Yang Berhormat dapatlah terus menggunakan teksi-teksi dengan menggunakan telefon daripada Bangunan Parlimen ini.

Ahli Yang Berhormat dari Jerai menegur berkenaan dengan kelambatan pihak Perkhidmatan Pelajaran bertindak dalam kes-kes yang tertentu dan juga banyaknya kes-kes di Mahkamah yang belum dibicarakan.

Kelambatan yang berlaku itu adalah mengenai dengan pentadbiran dan Suruhanjaya itu sekarang sedang menyasat, kenapa dan bagaimana kelambatan itu timbul.

Mengenai dengan perbicaraan kes-kes di mahkamah pula, saya suka maklumkan bahawa langkah-langkah telah pun dan sedang diambil untuk menyelesaikan dengan lebih cepat kes-kes di mahkamah itu. Antara langkah-langkah yang diambil termasuklah menambahkan bilangan Hakim-hakim, Majisteret-majisteret dan juga membanyakkan lagi ruang-ruang tempat perbicaraan serta seberapa daya mengelok daripada ditangguhkan kes-kes yang mana tarikhnya telah pun ditetapkan untuk perbicaraan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah meminta supaya bilek Pemberita dapat ditambah dengan kerusi yang lebih banyak dan lain-lain kemudahan.

Sukalah saya nyatakan di sini tindakan akan diambil untuk membekalkan lebih banyak kerusi di bilek Pemberita itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga membangkitkan perkara Biro Pengaduan Awam.

Saya suka maklumkan Biro Pengaduan Awam telah dapat menyelesaikan banyak masalah dan telah memainkan peranannya dengan baik bagi mencapai matlamat mengwujudkan Biro itu.

Tiap-tiap tahun 60% daripada kes-kes yang diadukan untuk tahun berkenaan dapat diselesaikan. Biro itu tidak diberi kuatkuasa undang-undang seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat, oleh kerana sudahpun ada agensi-agensi lain yang mempunyai kuatkuasa undang-undang seperti Polis, Kastam, Biro Siasatan Negara dan lain-lain lagi.

Pejabat Biro Pengaduan Awam dan juga Pusat tempat mengadu akan dipindahkan dari Jabatan Perdana Menteri ke satu Bangunan yang bernama WAHIDA di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur, mulai awal tahun hadapan. Sekarang ini bangunan itu akan diperbaiki dan dibuat segala pindaan untuk menyesuikannya sebagai pejabat Biro Pengaduan dan juga pusat bagi mengadu dan dijangka kerja-kerja pindaan ini akan siap dalam masa yang tidak lama lagi.

Ahli Yang Berhormat juga meminta supaya umur pencen bagi kakitangan teknikal dan profesional dilanjutkan sehingga lebih daripada 55 tahun. Tuan Pengerusi, di dalam hal ini, saya suka menyatakan amalan sekarang terpulang kepada merit dalam satu-satu kes. Kebiasaannya mereka di dalam kategori teknikal dan profesional ini boleh memohon bagi meneruskan jawatannya walaupun berumur lebih daripada 55 tahun dan sekiranya syarat-syarat dicukupi seperti kesihatan yang baik maka jawatan itu dapat dilanjutkan setahun ke setahun walaupun umurnya lebih 55 tahun sampailah maksima 60 tahun.

Menyentuh berkenaan dengan soal Rukun Tetangga, sebenarnya konsep Rukun Tetangga telah diubahsuai kepada perkembangan masyarakat Malaysia hari ini Fahaman mengenai sivik di kalangan masyarakat telah ternyata dengan jelas. Oleh sebab itu konsep ronda telah pun diperbincangkan oleh badan ini dan satu hakikat lain akan diwujudkan iaitu badan kebajikan di mana rakyat yang terlibat di mana-mana dan tempat akan berkhidmat dengan sukarela untuk menjalankan segala jenis kebajikan termasuk gotong-royong dan membuat satu pekerjaan dan juga menjadi mata-telinga Kerajaan untuk memerhati anasir-anasir jahat yang boleh merosakkan perpaduan rakyat dan keselamatan negara.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau membangkitkan perkara Sijil Perkhidmatan Cemerlang dan juga beliau menyoal kenapa masih banyak Jabatan Kerajaan menyewa bangunan-bangunan swasta sehingga menelan belanja berjuta-juta ringgit tiap-tiap tahun. Jawapan yang pertama, Tuan Pengerusi, mengenai dengan perkhidmatan cemerlang, saya suka menyatakan iaitu tiap-tiap Kementerian dan Jabatan ada ditubuhkan satu Jawatankuasa untuk menimbangkan perkara Sijil Perkhidmatan Cemerlang ini. Apa yang diambil kira termasuklah kecekapan kerja dan kelakuan pegawai-pegawai berkenaan. Faedah yang boleh didapati oleh mereka yang telah di-anagerahkan dengan Sijil Cemerlang ini ialah:

(a) Bonus sebulan gaji

- (b) Cuti bergaji satu minggu
- (c) Dimasukkan nama dalam senarai pengurniaan bintang ataupun pingat Persekutuan/Negeri
- (d) Pilihan untuk kursus-kursus di luar negeri/study tour
- (e) Gandaan kenaikan gaji
- (f) Pertimbangan untuk mempercepatkan kenaikan pangkat. (Cadangan ini ada disebut dalam Lampiran A Surat Pekeliling Am 9/80).

Mengenai dengan sewaan bangunan untuk pejabat-pejabat Kerajaan, saya suka menyatakan memanglah menjadi hasrat dan keazaman Kerajaan untuk mengadakan bangunan Kerajaan sendiri dengan seberapa segera yang boleh bagi menempatkan jabatan-jabatan Kerajaan.

Bagi Jabatan Perkhidmatan Awam yang sekarang ini banyak menyewa bangunan-bangunan swasta, sukalah saya menyatakan JPA ada cadangan hendak mengadakan satu bangunan besar, satu kompleks besar di Jalan Dato Onn untuk menempatkan semua jabatan-jabatan ataupun cawangan-cawangan yang ada di bawah JPA dan mungkin bangunan ini tingginya lebih daripada 35-storey.

Tuan Pengerusi, pada satu masa dahulu adalah dicadangkan bangunan ini menelan belanja lebih kurang \$30 juta tetapi sekarang ini memandangkan kos construction naik maka mungkin perbelanjaan ini lebih daripada \$70 juta.

Ahli Yang Berhormat itu juga mencadangkan supaya Kursus Bahasa Malaysia diatur oleh Kerajaan untuk penguam-penguam. Jawapannya pandangan ini akan diberi perhatian.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang meminta supaya diadakan mesin-mesin cetak di bangunan Parlimen dan diadakan segera rumah Majistret di Tapah. Cadangan Ahli Yang Berhormat ini akan diambil perhatian.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar berharap JPA memberi keutamaan kepada mereka

yang dalam senarai simpanan semasa membuat tawaran kerja walaupun tempoh 6 bulan sudah luput. Pandangan ini akan diberi perhatian.

Mengenai dengan menurunkan kuasa, sukalah saya menjawab iaitu pada keseluruhannya jawatan-jawatan dalam Kumpulan D, Kumpulan Rendah dan Buruh Kasar telah diperwakilkan kuasa pengambilannya kepada Ketua-ketua Jabatan. Pengambilan ke jawatan-jawatan dalam Kumpulan C diwakilkan kuasa kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam melalui Operasi Isi Penuh. Jawatan-jawatan dalam Kumpulan A dan B dan lain-lain jawatan yang tertentu sahaja diselenggarakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Untuk makluman, bagi negeri Perlis pengambilan ke dalam jawatan-jawatan dalam Kumpulan A, B dan C adalah diuruskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam manakala jawatan-jawatan dalam kumpulan D dikendalikan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan negeri Perlis. Calun-calun simpanan yang tidak berjaya dilantik adalah diberi pertimbangan untuk ditawarkan ke jawatan-jawatan lain dalam kategori yang sama dengan syarat gaji dan syarat-syarat kelayakannya adalah sama.

Tuan Pengerusi, sukalah saya menambah pihak Bank Negara juga akan ada bersama-sama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam dalam bangunan yang dicadang dibangunkan di sebelah Jalan Dato Onn itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar juga meminta supaya pegawai-pegawai ditempatkan di tempat-tempat yang sesuai dengan kelulusan dan pengalaman mereka. Juga Ahli Yang Berhormat meminta supaya pegawai-pegawai seberapa yang boleh ditempatkan di negeri-negeri dari mana mereka datang.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memanglah menjadi amalan sekarang menempatkan pegawai-pegawai di jawatan-jawatan yang sesuai dengan kelulusan dan pengalaman mereka dan tentang pandangan untuk menempatkan di negeri-negeri dari mana pegawai-pegawai itu datang, ini juga

adalah sentiasa diberi perhatian oleh pihak yang berkuasa.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak juga menimbulkan berkenaan dengan Pusat Penyelidikan Ugama. Sekejap tadi saya telah memberi jawapan berkenaan dengan Pusat Penyelidikan ini.

Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat untuk menambahkan kapal-kapal bagi MISC dan juga terjadinya kejadian di mana kapal MISC bersabit dengan kes dadah, maka sukalah saya menyatakan pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson meminta supaya mempercepatkan lagi bayaran pencen kepada balu-balu yang suaminya telah meninggal dunia. Suka saya maklumkan segala langkah telah dan sedang diambil untuk mempercepatkan pembayaran semua pencen. Bagaimanapun mengenai dengan kes yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat itu bolehlah pihak Bahagian Pencen JPA mengambil ingatan dan mempercepatkan pembayaran pencen yang disebut itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menimbulkan mengenai keselamatan negara dan saya suka maklumkan bahawa pandangan-pandangan yang telah dimajukan itu akan diberi perhatian yang sewajarnya.

Pada akhirnya di atas mana-mana pandangan dan teguran yang mana saya tidak memberi jawapan, pihak Kerajaan akan memberi pertimbangan dengan sewajarnya. Sekian.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalan ialah bahawa wang sejumlah \$16,051,600 untuk Maksud B.1; \$365,600 untuk Maksud B.2; \$21,560,800 untuk Maksud B.3; \$7,373,300 untuk Maksud B.4; \$5,923,600 untuk Maksud B.5; \$2,610,100 untuk Maksud B.6; \$353,502,500 untuk Maksud B.7; \$205,016,500 untuk Maksud B.8; \$30,011,000 untuk Maksud B.9; \$1,161,100 untuk Maksud B.10; \$3,699,000 untuk Maksud B.11; \$45,175,800 untuk

Maksud B.12; \$12,375,000 untuk Maksud B.13; \$2,916,700 untuk Maksud B.14; dan \$2,530,200 untuk Maksud B.15 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$16,051,600 untuk Maksud B.1; \$365,600 untuk Maksud B.2; \$21,560,800 untuk Maksud B.3; \$7,373,300 untuk Maksud B.4; \$5,923,600 untuk Maksud B.5; \$2,610,100 untuk Maksud B.6; \$353,502,500 untuk Maksud B.7; \$205,016,500 untuk Maksud B.8; \$30,011,000 untuk Maksud B.9; \$1,161,100 untuk Maksud B.10; \$3,699,000 untuk Maksud B.11; \$45,175,800 untuk Maksud B.12; \$12,375,000 untuk Maksud B.13; \$2,916,700 untuk Maksud B.14 dan \$2,530,200 untuk Maksud B.15 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$388,309,550 yang disebutkan dalam Maksud P.7; \$5,800,000 untuk Maksud P.8 dan \$14,978,680 untuk Maksud P.9 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1982 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$388,309,550 untuk Maksud P.7; \$5,800,000 untuk Maksud P.8 dan \$14,978,680 untuk Maksud P.9 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1982.

Maksud B.16, B.17, B.18, B.19, B.20, B.21, dan B.22 (Jadual)—

Maksud P.16, P.18, P.19, P.20, dan P.21 (Anggaran Pembangunan, 1982)—

4.49 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk memberikan pandangan kepada maksud P.20 iaitu Jabatan Perpustakaan Negara. Saya mengambil kesempatan di sini

sebab Perpustakaan Negara ini merupakan satu aktiviti Kerajaan yang baru sejak negara kita mencapai kemerdekaan dan di atas kesedaran pihak Kerajaan mewujudkan Perpustakaan Negara ini saya mengucapkan tahniah dan menjunjung tinggi kerana kadar sekarang ini kita telah menyedari betapa pentingnya bahan-bahan bacaan dan alat-alat koleksi untuk perbendaharaan Perpustakaan perlu diwujudkan di dalam negara kita.

Saya terkenang kata-kata Confucius mengatakan: "Suratkhabar itu adalah universiti untuk orangramai". Saya percaya maknanya suratkhabar ini ialah bahan-bahan bacaan. Jadi bahan-bahan bacaan yang ada di dalam negara kita ini adalah merupakan universiti untuk orangramai terutamanya sekali di kalangan anak-anak muda, di kalangan murid-murid sekolah dan di kalangan masyarakat umum.

Dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, saya lihat peruntukan yang diberi kepada Perpustakaan Negara bagi tahun 1982 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan amatlah kecil jika hendak dibandingkan jumlah penduduk yang ada di dalam negara kita yang berjumlah lebih daripada 14 juta, kita cuma ada 9 juta. Maknanya kalau hendak dikira dari segi kadar tiap-tiap seorang penduduk itu diperuntukkan untuk perpustakaan ialah kurang daripada \$1 ataupun cuma lebih-kurang 80 sen sahaja. Saya ingat perkara ini tidaklah sesuai. Saya mencadangkan kepada Kementerian yang bertanggungjawab supaya pada masa-masa tahun yang akan datang eloklah ditambahkan peruntukan ini. Terutamanya sekali saya tengok cuma peruntukan koleksi Perpustakaan Negara diperuntukkan cuma \$10 sahaja dan ini merupakan satu bahan yang penting tetapi nampak-nampaknya Kementerian ini tidak mengambil berat dan tidak mengadakan satu rancangan dan peruntukan dalam bidang yang ketiga koleksi Perpustakaan Negara.

Saya percaya Kementerian Perumahan sangatlah sibuk dengan jadual-jadual rangka-rangka pembangunan dari segi perumahan dan Kementerian ini juga bertanggungjawab dalam pembangunan segi pemikiran dan juga dalam pembangunan dari segi bacaan. Jadi

saya berharap pihak Kementerian juga menitikberatkan masalah pembangunan dari segi pemikiran dan bacaan dengan menitikberatkan pembangunan Perpustakaan Negara yang perlu dibina lebih banyak lagi di dalam negara kita terutama sekali daripada segi peruntukan yang hendak diberikan kepada Perpustakaan Awam pada tiap-tiap negeri.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh secara spesifik terutama sekali dari segi koleksi Perpustakaan Negara. Sekarang ini kalau rakyat jelata hendak melihat sebarang koleksi tidak ada, cuma pergi ke Muzium sahaja dan Muzium tidaklah merupakan satu tempat yang menyimpan bahan-bahan yang sekarang ini saya rasa yang dibebankan banyak sangat masalah benda-benda, bahan-bahan bacaan ini ialah kepada Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, bagi hendak meringankan ataupun bagi hendak mempercepatkan pembangunan bahan-bahan bacaan di dalam negara kita eloklah separuh ataupun perkara-perkara yang baru yang patut dititikberatkan bagi bahan-bahan bacaan dipertanggungjawabkan kepada Perpustakaan Negara. Janganlah Jabatan Perpustakaan Negara ini semata-mata bertanggungjawab menyimpan dan mengedar buku dan sebagainya tetapi hendaklah juga Perpustakaan Negara ini bertanggungjawab mewujudkan sesuatu.

Sebagai contoh kita lihat, saya tidak tahulah dalam bahasa lain tetapi dalam Bahasa Melayu dalam aliran pendengaran Bahasa Kebangsaan, lagu-lagu untuk kanak-kanak berkurangan sangat. Saya mencadangkan, Tuan Pengerusi, eloklah Perpustakaan Negara ini tolong cari langkah mewujudkan penggubal lagu bagi kanak-kanak. Sebab kita lihat sekarang ini apabila kanak-kanak mengambil bahagian di dalam apa-apa upacara tidak ada lagu khas bentuk rhythm kanak-kanak. Sebagai contoh misalnya kalaulah ada kanak-kanak menunjukkan pertunjukan majlis perkahwinan yang dilakukan oleh kanak-kanak tetapi lagu majlis pertunjukan perkahwinan kanak-kanak itu dimainkan iaitu

lagu seolah-olah orang tua-tua dan orang dewasa yang berkahwin. Saya rasa tema, situasi dan anthem keadaan itu tidaklah sesuai.

Itu satu daripada cadangan saya, selain daripada ditempatkan kepada Kementerian Penerangan yang sibuk juga dengan pembangunan dan sebagainya eloklah juga Jabatan Perpustakaan Negara ini tolong mencari langkah dan diberikan tanggungjawab, mencari penggubal, penulis-penulis dan sebagainya bagi menggubal lagu-lagu untuk anak-anak di dalam negara kita ini yang sesuai pada umur dan tingkatan pemikiran mereka.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi ini masalah Perpustakaan Awam di kawasan Wilayah Persekutuan. Saya baru-baru ini dilantik menjadi Pengerusi Gerakan Membaca di kawasan Wilayah Persekutuan dan saya tahu setelah kita mewujudkan suatu jawatankuasa di peringkat kebangsaan hendak mencari jalan menggalakkan penduduk-penduduk di dalam negara kita ini membaca daripada tahun 1975 sampai sekarang, baru dua kali kita dapat mengadakan perjumpaan di peringkat kebangsaan yang berbentuk seminar ataupun persidangan tetapi hasilnya belumlah tertentu sebab belum ada mendapat sesuatu keputusan iaitu tidak mempunyai satu dasar yang tertentu bagaimana caranya kita hendak menggalakkan rakyat jelata ini rajin membaca. Pada hal kita semua tahu, negara kita sedang membangun dan kalau warganegara kita ini tidak suka membaca, tidak ada dapat galakan untuk membaca hasrat Kerajaan selalunya kurang mencapai matlamat sebab rakyat jelata tidak mengetahui apakah yang sebenarnya daripada siaran-siaran, apa yang hendak ditujukan oleh pihak Kerajaan. Langkah-langkah ini perlulah Perpustakaan Negara ini juga bertanggungjawab bagaimana mencari jalan terutama sekali untuk hendak menggalakkan orang ramai membaca dengan mengadakan kemudahan-kemudahan yang tertentu untuk orang ramai membaca.

Sekarang ini oleh sebab Jabatan ini di bawah Kementerian Perumahan sukacitalah saya mencadangkan kepada Menteri dan

Kementerian yang berkenaan iaitu hendaklah mengadakan satu undang-undang khas apabila mengadakan pembinaan rumah-rumah pangsa bukan sahaja patutnya ada ruangan untuk rekreasi, untuk surau dan untuk kemudahan-kemudahan lain tetapi hendaklah juga ditetapkan terutama sekali bangunan-bangunan yang ditadbir dan diusahakan oleh Kerajaan dan badan-badan agensi, misalnya di Wilayah Persekutuan ini rumah-rumah pangsa yang dibina oleh Dewan Bandaraya tidak ada pun ruangan yang tertentu untuk perpustakaan bagi penduduk-penduduk tersebut. Ini patut diadakan satu undang-undang khas yang mesti dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan dan juga mestilah juga dilaksanakan menjadikan satu undang-undang kepada swasta yang menguruskan sebagai pemaju perumahan. Mestilah ada satu bangunan sebagai hadiah daripada pemaju-pemaju itu kepada masyarakat yang membeli rumah sekurang-kurangnya tempat rekreasi dan tempat membaca yang boleh Perpustakaan Negara menolong mengisi bahan-bahan bacaan kepada tempat-tempat yang telah disediakan.

Apa yang ada pada hari ini yang dihadapi oleh masyarakat umum ialah tempat orang ramai, kadang-kadang kita sanggup menderma tetapi tempat tidak ada. Dalam perkara ini untuk langkah yang pertama, terutama sekali di dalam Wilayah Persekutuan, sukacitalah juga saya mencadangkan kepada Kementerian ini supaya dapat menyelaraskan dengan Kementerian Wilayah Persekutuan dan mengarahkan kepada Dewan Bandaraya iaitu tiap-tiap dewan serbaguna yang ada di dalam Wilayah Persekutuan ini yang mana di sebelah atasnya itu digunakan sebagai tempat minuman dan yang di bawahnya itu tempat padang permainan (indoor game), seperti badminton dan sebagainya, sebelah atasnya itu hendaklah ditutup dan dijadikan bilik perpustakaan untuk orang ramai. Ini banyak gunanya, kerana kadang-kadang ibubapa apabila dia mengambil bahagian dalam sesuatu permainan ataupun dia sendiri datang berlatih di situ, di bawa anak-anaknya sekali dan anak-anak ini duduk bertaburan di luar. Jadi, kalau ada perpustakaan di tingkat atas, siap dengan bilik sejuk dan dijagai dengan baik maka dengan tersendirinya ibubapa

yang membawa anak-anaknya itu dengan kemudahan untuk beriadah sementara bapa ataupun abangnya berlatih, mereka boleh naik ke atas membaca buku.

Saya harap perkara ini dijadikan satu dasar yang tetap, kerana saya selaku Pengerusi Gerakan Membaca oleh sebab tidak ada undang-undang ataupun arahan, kami yang menduduki secara sukarela menghantar surat kepada Pengarah Dewan Bandaraya sehingga hari ini tidak ada jawapan, sementelahan pula tidak berapa lama lagi akan menjelang tahun hadapan. Jadi saya tidak mahulah kadangkadangkang itu satu badan mengarahkan orang ramai membuat sesuatu tetapi ajensi-ajensi Kerajaan tidak mahu memberikan kerjasama kepada arahan-arahan, kecuali saya percaya kalau Menteri yang mengarahkan, baharulah Pengarah-pengarah dan jabatan tertentu itu membuat kerja dan menjawab dengan segera tetapi kalau Wakil-wakil Rakyat macam kami ini yang menduduki sebagai Pengerusi secara sukarela, barangkali tidak ada kuasa apa-apa, jadi tindakannya amatlah perlahan ataupun ambil bina tidak bina sahaja.

Perkara yang kedua pula mengenai masalah kita hendak menggalakkan orang ramai rajin membaca. Ini juga perlu satu skim ataupun sistem kemudahan diadakan sama ada menerusi undang-undang ataupun sama ada menerusi penggalakan iaitu bagi menyelaraskan segala badan-badan Kerajaan dan ajensi-ajensi Kerajaan sendiri mewujudkan perpustakaan mereka sendiri bukan sahaja bagi simpanan-simpanan untuk kegunaan pejabat bahkan juga untuk rujukan bagi orang ramai. Ini amatlah penting. Saya rasa Jabatan Perpustakaan Negara kalau diberikan arahan yang tertentu, bolehlah mereka ini bergerak. Dan saya lihat pada hari ini di Kuala Lumpur Jabatan Perpustakaan Negara ini menyewa, menumpang di satu bangunan kepunyaan pihak swasta.

Dalam perkara ini oleh sebab kita dalam maksud Pembangunan, sekali lagi saya menggesa dan mencadangkan serta menegaskan bahawa telah tiba masanya pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini membina bangunan untuk Perpustakaan Negara sendiri supaya dapat

menarik perhatian dan mewujudkan identitinya bukan seperti sekarang ini menyewa di satu kawasan yang orang ramai susah hendak pergi, tidak ada tempat letak kereta, kanak-kanak pun tidak tahu di mana, tempatnya sebok. Jadi, saya berharap kepada Kementerian ini agar Jabatan Perpustakaan Negara ini diberi tempat yang sesuai supaya boleh menggalakkan orang ramai memberikan sokongan dan boleh juga memberi kemudahan kepada orang ramai supaya ia mempunyai bangunannya yang bersendirian, bangunannya yang tertentu di tempat yang sesuai bukannya di tengah-tengah bandaraya, di tengah jalan yang sebok.

Dari itu, Tuan Pengerusi, saya menyokong apa-apa peruntukan yang telah diperuntukkan di bawah Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.06 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, pertamanya suka saya merujuk kepada B.16, muka surat 115, Butiran 1100, Aktiviti (2) (a) Perumahan Awam Kos Rendah dan (b) Penyelarasan dan Pelaksanaan.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara pelaksanaan dan penyelarasan pembinaan Perumahan Kos Rendah Awam di seluruh negara, izinkan saya menyatakan di sini betapa pentingnya bagi Kementerian memastikan bahawa ianya mempunyai kemampuan pelaksanaan yang berkesan untuk menjalankan projek-projek perumahan dan mencapai matlamatnya. Satu daripada kekurangan dalam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada masa-masa yang lalu ialah kurang kemampuan pelaksanaan yang mengakibatkan matlamat perumahan yang tidak dapat dicapai dan tidak dapat mendirikan rumah-rumah yang cukup bagi memenuhi keperluan orang ramai terutamanya golongan berpendapatan rendah.

Tuan Pengerusi, semasa menggulung perbahasan Belanjawan di Dewan ini Yang Berhormat Menteri Perumahan dan

Kerajaan Tempatan telah menyatakan dan telah menyenaraikan beberapa faktor yang menghalang kemampuan pelaksanaan rancangan perumahan kos rendah. Beliau berkata bahawa Kementerian telah merumuskan satu strategi yang baharu dan telah memperkenalkan cara baharu untuk menyegerakan pelaksanaan rumah-rumah kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Di antara langkah-langkah yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri termasuklah memperkuatkan jentera pentadbiran dan perancangan baik di peringkat Persekutuan ataupun di peringkat negeri meningkatkan kemampuan pelaksanaan, identifikasi kawasan-kawasan yang sesuai untuk perumahan dengan lebih awal di samping mewujudkan tabung tanah dan menaikkan jumlah wang tabung amanah untuk menampung kos infrastruktur. Walaupun langkah-langkah yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Menteri itu adalah dialu-alukan. Akan tetapi saya suka mencadangkan bahawa Kementerian mestilah memastikan pelaksanaan mereka dan bukan tinggal janji sahaja. Apa yang saya anggap penting ialah bagi Kementerian yang berkenaan untuk mengadakan penyeliaan yang ketat dengan tujuan untuk memastikan bahawa strategi baharu yang disentuh oleh Yang Berhormat Menteri dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya supaya dapat mencapai matlamat pembinaan rumah kos rendah di negara ini di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Rakyat menaruh harapan kepada matlamat perumahan Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Keempat dan adalah penting bagi Kerajaan memastikan bahawa sesuatu matlamat perumahan itu dicapai dengan rumusan satu strategi yang berkesan bagi membaiki kemampuan pelaksanaan perumahan Kerajaan.

Kemampuan pelaksanaan perumahan yang cekap dan berkesan adalah penting bagi memastikan bahawa bekalan rumah (housing supply) di seluruh negara, terutamanya perumahan kos rendah akan bertambah bagi memenuhi permintaan golongan berpendapatan rendah yang kian bertambah.

Selain daripada langkah-langkah yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri, saya anggap adalah penting juga bagi Kerajaan memberi perhatian segera untuk melatih tenaga pekerja yang mahir untuk industri perumahan. Kerajaan hendaklah merancang dan melaksanakan satu skim latihan untuk pekerja mahir dalam tempoh jangka panjang dan dalam hubungan ini lebih banyak pusat latihan teknik dan vokasional di berbagai-bagai tempat di seluruh negara hendaklah didirikan. Pusat latihan baru dan 34 buah pusat yang ada sekarang yang kini adalah terletak di bawah 4 Kementerian yang berbeza hendaklah sebaik-baiknya di bawah kawalan sebuah Kementerian sahaja. Sebuah Jawatankuasa Penasihat yang mengandungi kakitangan-kakitangan Kerajaan, Ketua-ketua Pusat Latihan dan wakil-wakil daripada berbagai persatuan yang berkenaan yang ada kaitan dengan industri pembinaan perumahan hendaklah ditubuhkan bagi memberi nasihat mengenai perancangan dan pelaksanaan dasar tenaga ini.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan perkara pelaksanaan dan penyelarasan pembinaan rumah-rumah awam kos rendah, saya juga ingin menyentuh tentang penyegeraan pembinaan rumah-rumah kos rendah bagi mencapai matlamat yang ditentukan. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat sektor awam dijangka mendirikan 176,500 unit rumah kos rendah. Bagi memastikan kita boleh mencapai permintaan ini adalah penting bagi kita menyatukan cara pembinaan konvensional yang ada sekarang dengan sistem binaan secara pasang siap (prefabrication) dan taktik pembinaan terbaharu. Kerajaan hendaklah memberikan penekanan dan keutamaan kepada sistem pembinaan secara pasang siap sebagai satu cara menyegerakan pembinaan rumah kos rendah dan memenuhi permintaan rumah kos rendah yang kian bertambah.

Sekarang suka saya beralih kepada perkara yang kedua dalam B.16 itu juga, iaitu berkenaan dengan Aktiviti (2) Perumahan (e) Perumahan Swasta (Private Housing).

Mengenai perumahan swasta, izinkan saya nyatakan di sini tentang peri pentingnya sumbangan sektor swasta kepada industri

perumahan dan juga memenuhi keperluan perumahan untuk rakyat. Industri perumahan telah muncul sebagai satu sektor yang giat berkembang yang telah memberi sumbangan pembangunan ekonomi dalam negeri dan ianya dijangka berkembang pada kadar 9% setahun. Sumbangan sektor swasta kepada matlamat perumahan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga boleh diberi pujian. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, matlamat perumahan yang digaris ialah 553,327 unit dan sektor swasta telah menyiapkan lebih kurang 80% ke 90% daripada matlamat 150,000 unit yang telah disemak semula. Meskipun sumbangan ini boleh diberi pujian tetapi dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga industri perumahan swasta atau sektor perumahan swasta ada menghadapi berbagai masalah seperti yang berikut:

- (1) ketiadaan satu Dasar Perumahan Negara yang kemas yang boleh menjadi panduan pembangunan yang teratur dan identikasi peranan;
- (2) kelewatan meluluskan permohonan tukar syarat, kelewatan untuk meluluskan permohonan memecah kecil (sub-division) dan meluluskan pelan bangunan. Ini telah menyebabkan kelewatan pembinaan rumah-rumah;
- (3) kekurangan tanah perumahan yang menyebabkan harga tanah melambung naik;
- (4) kekurangan tenaga pekerja yang mahir;
- (5) kekurangan bahan binaan stok dan kesukaran mendapatkan kemudahan pinjaman dan bantuan kewangan;
- (6) syarat-syarat yang dikenakan oleh Pihakberkuasa adalah tidak praktikel, dengan demikian menyulitkan lagi projek-projek yang terlibat untuk digerakkan.

Tuan Pengerusi, memandangkan masalah-masalah yang saya sebutkan tadi, saya suka mencadangkan kepada Kerajaan supaya mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengatasi masalah-masalah yang melibatkan pemaju-pemaju swasta. Pemaju sektor swasta boleh dijangka membaiki prestasi mereka jika cadangan-cadangan yang berikut yang saya

ingin menyampaikan di Dewan ini dapat diberi pertimbangan sewajarnya:

- (1) memastikan bahawa bidang tanah yang luas ditukar syarat untuk perumahan dibuat dengan secepat mungkin bagi mengelakkan spekulasi harga tanah dan rumah. Di samping itu menghapuskan semua jenis sekatan seperti yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri Selangor bahawa permohonan-permohonan tukar syarat tanah, iaitu daripada tanah pertanian ke perumahan adalah dihadkan kepada 10 ekar dan bawah;
- (2) memastikan bahawa proses penukaran syarat memecah kecil dan kelulusan bangunan disegerakan dengan dihadkan tempoh masa untuk sesuatu maksud;
- (3) memastikan bahawa pelan-pelan induk untuk kegunaan tanah dirangka secepat mungkin;
- (4) memastikan penghapusan syarat-syarat yang tidak praktik yang dikenakan oleh pihakberkuasa; dan
- (5) memastikan rumusan Dasar Perumahan Negara sebagai panduan pembangunan perumahan dalam negeri ini.

Perkara ketiga yang saya ingin menyentuh dalam perbahasan ini ialah berkenaan dengan Aktiviti (1) Perkhidmatan Bantuan dan saya ingin bercakap dari segi Pentadbiran.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara Perkhidmatan Bantuan berhubung dengan Pentadbiran, saya ingin bercakap tentang tindakan kuatkuasa terhadap pemaju-pemaju palsu di dalam negara ini. Memandangkan bahawa sejak beberapa bulan yang lalu banyak laporan telah dibuat kepada pihak Polis mengenai kegiatan pemaju palsu ini, saya ingin menggesa pihak Kementerian supaya mengambil tindakan atau langkah yang lebih tegas untuk menghapuskan pemaju-pemaju palsu di negara ini.

Sebagai seorang Wakil Rakyat, saya telah beberapa kali membawa mangsa-mangsa palsu ke pihak Polis di Kuala Lumpur untuk membuat aduan laporan dan sebagai

akibatnya saya telah diancam atau diugut oleh orang-orang yang tidak dikenali. Tanpa mempedulikan ancaman-ancaman tersebut, saya akan terus berbuat apa yang hak dan saksama untuk rakyat, kerana saya tidak ingin melihat mereka terjerat dan akan menjadi mangsa daripada berbagai amalan-amalan yang tidak betul, salah amalan dalam industri perumahan.

Sistem yang ada sekarang, Tuan Pengerusi, di mana mangsa-mangsa dinasihat supaya melaporkan kepada pihak polis selepas mereka ditipu oleh pemaju-pemaju palsu pada anggapan saya adalah satu sistem yang tidak memuaskan jika langkah-langkah pencegahan boleh diambil pada awal-awalnya untuk melindungi hak dan kepentingan pembeli-pembeli rumah. Lebih-lebih lagi merujukkan pengaduan-pengaduan mengenai pemaju palsu kepada pihak polis memerlukan masa yang panjang untuk siasatan perlu dijalankan oleh kerana pihak polis sendiri mempunyai tugas-tugas siasatan jenayah perdagangan yang lain untuk dijalankan.

Saya berpendapat dan saya suka mengesyorkan di sini, Tuan Pengerusi, bahawa tugas menyiasat dan mendakwa pemaju palsu sepatutnya terletak di bawah Kementerian Perumahan sendiri. Jika Kementerian tidak dilengkapi dengan kuasa-kuasa tersebut untuk berbuat demikian maka saya merasa bahawa Kerajaan hendaklah menyemak semula undang-undang yang wujud sekarang dengan tujuan membolehkan Kementerian mengendali semua kes pemaju palsu yang dibawa untuk perhatian dan tindakan dan tidak perlu lagi dirujuk kepada pihak polis.

Tuan Pengerusi, dalam bulan Julai tahun ini adalah dilaporkan dalam suratkhbar tempatan bahawa pegawai-pegawai kanan Kementerian Perumahan telah mengadakan beberapa siri mesyuarat bagi merancang tindakan tegas terhadap pemaju-pemaju palsu. Ini ialah satu tindakan yang baik tetapi saya masih belum mengetahui apakah hasilnya setakat ini. Saya berharap bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan boleh menjelaskan tentang hal ini iaitu apa yang telah berlaku tentang mesyuarat yang telah diadakan oleh pegawai-pegawai

Kementerian bagi membincangkan apakah tindakan yang lebih tegas dapat diambil terhadap pemaju-pemaju palsu.

Adalah pandangan saya bahawa Akta Pemaju Perumahan (Pengawasan dan Pelesenan) 1966 yang ada sekarang hendaklah disemak semula dengan tujuan mengadakan beberapa pindaan yang perlu bagi membolehkan Kementerian mempunyai kuasa-kuasa yang secukupnya untuk bertindak ke atas semua pemaju palsu yang kegiatannya mengancam kepentingan orang ramai dan tujuan kajian semula Akta Pemaju Perumahan (Pengawasan dan Pelesenan) 1966 adalah untuk mencari apa juga kelemahan dan kekurangan supaya ianya dapat ditutupi dan diatasi terutamanya untuk mencegah kemunculan pemaju-pemaju palsu.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara pentadbiran juga, saya suka menggesa Kementerian supaya mengambil langkah-langkah memperkuat Bahagian Penguatkuasa (Enforcement Unit must be strengthened) memandangkan banyak pengaduan yang dikendalikannya yang datang dari pembeli-pembeli rumah terutamanya berhubung dengan pengaduan tentang kerosakan rumah-rumah (defective houses). Pegawai Penguatkuasa ini hendaklah dibekalkan dengan ramai kakitangan lagi bagi memastikan penguatkuasaan yang cepat dan berkesan.

Berhubung dengan kerosakan rumah-rumah, saya ingin menyampaikan penghargaan orang ramai kepada Kementerian terutamanya kepada Ketua Setiausaha yang sangat berdedikasi kerana pengumuman beliau dalam bulan September tahun ini bahawa Kementerian Perumahan akan mengarahkan pemaju-pemaju perumahan membayar ganturugi kepada pembeli-pembeli rumah jika rumah-rumah yang mereka dirikan mengalami banyak kerosakan.

Menurut Ketua Setiausaha Kementerian akan mengambil tindakan keras terhadap pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab yang membina rumah-rumah daripada bahan

yang kurang bermutu, yang kurang baik, sebuah badan bebas saya diberitahu yang mengandungi wakil-wakil daripada arkitek, jurutera dan penilaian harta telah ditubuhkan untuk memutuskan beberapa banyak gantirugi akan dibayar dan berdasarkan kepada rekomendasi badan ini Kementerian akan mengarahkan pemaju berkenaan supaya membayarnya.

Tuan Pengerusi, perkhidmatan seperti ini yang disediakan oleh Kementerian Perumahan dalam hubungan ini amatlah dihargai oleh kerana tindakan mahkamah memerlukan belanja yang mahal dan tidak mampu dibiayai oleh pembeli-pembeli rumah yang hendak membuat tuntutan daripada pemaju-pemaju yang berkenaan. Memandang perkara di atas, saya suka menggesa Kementerian sebagaimana yang saya ada cadangkan awal-awal tadi supaya memperkuatkan Bahagian Penguatkuasa dan membekalkannya dengan kakitangan yang cukup dan berkaliber untuk menjalankan berbagai tanggungjawab. Bahagian Penguatkuasa dalam Bahagian Pentadbiran ini hendaklah juga diperkuatkan untuk mengendalikannya kerja-kerja siasatan mengenai pengaduan daripada orang ramai berhubung bayaran di bawah kaunter selalu berlaku bukan sahaja di Kuala Lumpur tetapi di seluruh negara. Jika terdapat bukti-bukti yang cukup terhadap seseorang yang meminta bayaran-bayaran "wang teh" atau mengutip bayaran di bawah kaunter maka Bahagian Penguatkuasa ini hendaklah mengambil tindakan terhadap orang yang berkenaan. Saya suka mencadangkan di sini bahawa Yang Berhormat Menteri Perumahan hendaklah mencari jalan untuk melengkapkan, menimbang bagaimana boleh melengkapkan Kementerian dengan kuasa-kuasa yang cukup untuk menyelesaikan masalah-masalah bayaran di bawah kaunter dengan cara memperkenalkan undang-undang tertentu daripada menyerahkan pengaduan-pengaduan tersebut kepada Biro Siasatan Negara oleh sebab apa yang dibuat sekarang ialah kes-kes mengenai kutipan pembayaran di bawah kaunter dirujuk kepada BSN. Tetapi inipun mengambil masa yang agak lama dan pada masa ini apabila kita baca suratkhbar kita diberitahu bahawa Biro Siasatan Negara pun hendak ditukar coraknya dan dihadkan

kepada kes-kes rasuah sahaja. Oleh sebab inilah saya berharap bahawa Yang Berhormat Menteri Perumahan dapat mengambil perhatian tentang syor saya ini.

Berhubung dengan Pegawai Penguatkuasa untuk menyelesaikan pengaduan tentang rumah-rumah yang dibina daripada bahan kurang bermutu dan rosak sepertimana yang saya katakan tadi, saya suka menggesa Kementerian berkenaan supaya menimbang untuk melanjutkan tempoh jaminan rumah. Pengguna-pengguna di seluruh negara telah berkempen supaya tempoh jaminan untuk sesebuah rumah dilanjutkan daripada enam bulan yang ada sekarang. Adalah tidak munasabah bahawa tempoh jaminan untuk sesebuah rumah di mana orang ramai telah menghabiskan masa bekerja dan simpanan mereka hanya enam bulan sahaja diperuntukkan sedangkan barang-barang yang kecil seperti peti TV misalnya tempoh jaminan dua tahun.

Ditimbang daripada pengaduan mengenai kerja pembinaan yang kurang elok, bahan binaan yang kurang bermutu dan kerosakan rumah kian bertambah, saya suka menggesa Kementerian supaya melanjutkan tempoh jaminan untuk rumah daripada enam bulan kepada dua tahun atau sekurang-kurangnya 1½ tahun.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri itu sendiri ada menyatakan dan saya baca dalam akhbar bahawa Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan melanjutkan tempoh jaminan itu. Saya berharap bahawa masanya sudah tiba sekarang bagi Kementerian berkenaan membuat suatu keputusan dan bukan masih menimbang begitu sahaja.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin beralih kepada muka surat 122, Kepala P.16 di bawah tajuk Perumahan Semenanjung Malaysia, Butiran nombor (15) iaitu berkenaan dengan Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah (i) (b) Bayaran balik kepada Malaysia Building Society Berhad dan (ii) Pinjaman: (a) dan (b) Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga Malaysia Building Society Berhad.

Berhubung dengan perkara pinjaman untuk skim perumahan awam kos rendah, saya dapati bahawa sejumlah \$317.8 juta akan

diperuntukkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan Syarikat Perumahan Malaysia Building Society Berhad (MBSB) bagi tahun 1982 untuk kegunaan sebagai pinjaman kepada orang ramai yang hendak memberi rumah awam kos rendah. Di samping saya mengalu-alukan pinjaman seumpama itu sebagai satu cara ke arah membantu rakyat memiliki rumah sendiri pada masa yang sama, saya suka menggesa Kerajaan supaya memastikan bahawa semua rumah adalah dibahagikan dengan adil kepada para pemohon.

Saya membuat gesaan ini kerana di bawah konsep baru bantuan pinjaman untuk membeli rumah kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Keempat, pemilihan pemohon akan dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan bagi Wilayah Persekutuan tentulah Dewan Bandaraya akan mengambil tugas ini. Untuk Rancangan Malaysia Keempat, Kerajaan merancang untuk membeli 90,000 unit rumah kos rendah daripada pemaju swasta dengan kadar harga, kalau tak silap saya \$14,000 seunit tidak termasuk kos pembangunan infrastruktur. Di bawah konsep baru itu rumah-rumah tersebut akan disewakan kepada pemohon-pemohon yang berjaya untuk tempoh selama 25 tahun dan penyewa akan diberi pilihan untuk membeli rumah tersebut tertakluk kepada beberapa syarat yang di antaranya mereka telah menduduki rumah itu secara berterusan selama 10 tahun dan tidak pernah gagal untuk membuat bayaran sewa bulanan. Memandangkan kepada faedah ini, maka saya berpendapat bahawa langkah-langkah mestilah diambil untuk memastikan supaya hanya mereka yang layak sahaja akan diperuntukkan rumah kos rendah. Kementerian yang berkenaan hendaklah mengambil langkah mamastikan bahawa dasar pemberian, dasar pembahagian rumah kos rendah itu dipatuhi dengan sepenuhnya.

Dalam hubungan ini, elok kiranya saya menarik perhatian Yang Berhormat Menteri berkenaan mengenai laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 1976 hingga tahun 1978 yang mendedahkan bahawa terdapat empat buah negeri iaitu Wilayah Persekutuan, Terengganu, Johor dan Pulau Pinang telah menyimpang jauh daripada objektif

rancangan perumahan awam kos rendah dengan memperuntukkan unit-unit rumah kepada mereka yang tidak layak mendapatnya. Memandangkan atas hal ini, saya suka mencadangkan supaya Yang Berhormat Menteri berkenaan mengambil perhatian yang serius tentang pendedahan Laporan Ketua Audit Negara itu dan memastikan apa juga penyimpangan jauh daripada dasar peruntukan rumah diperbetulkan oleh Kementerian.

Tuan Pengerusi, memandangkan lebih banyak rumah akan didirikan sebagai mengatasi masalah keperluan perumahan rakyat serta betapa pentingnya kemudahan pinjaman untuk membantu pemohon memiliki rumah sendiri, saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan supaya menimbang penubuhan sebuah bank perumahan untuk menyediakan kemudahan simpanan dan pinjaman khusus untuk perumahan.

Yang akhirnya, Tuan Pengerusi, suka saya merujuk kepada muka surat 132 iaitu berkenaan dengan Perkhidmatan Bomba di bawah B. 18 dan perkara yang saya ingin menyentuh adalah tentang Butiran 1100 Aktiviti (2) Pencegah Kebakaran. Berhubung dengan pemadaman dan pencegahan kebakaran api dan latihan, saya ingin menegaskan di sini bahawa kejayaan memadamkan api akan bergantung sama ada kita mempunyai kakitangan yang cukup terlatih dengan bantuan alat-alat yang termoden untuk mengendalikan apa juga kecemasan. Begitu juga, kejayaan mencegah kebakaran api ini akan bergantung kepada kejayaan penguatkuasaan undang-undang.

Dalam hubungan ini saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Menteri sama ada Jabatan Perkhidmatan Bomba telah menguruskan semua pengisian jawatan kosong di seluruh balai bomba di negara ini di bawah Operasi Isi Penuh. Saya juga ingin mendapat tahu berapa ramai pegawai bomba yang dihantar ke luar negeri bagi mendapatkan latihan khusus seperti taktik mencegah kebakaran yang berlaku dalam bangunan-bangunan berbilang tingkat setakat hari ini.

Tuan Pengerusi, selepas kejadian kebakaran di bangunan Campbell Shopping Complex dan bekas Ibupejabat Bank Bumiputra saya anggap adalah penting bagi kita mengambil perhatian serius di atas kelemahan kita dalam memadam kebakaran api di bangunan-bangunan berbilang tingkat. Apa yang lebih terpenting sekali ialah kita mesti belajar daripada kesilapan itu dan kelemahan kita di masa lalu supaya di masa depan kita akan mempunyai kelengkapan yang lebih baik dan mempunyai pengalaman yang lebih mahir untuk mengendalikan atau memadam sebarang kebakaran dalam semua bangunan berbilang tingkat. Dalam hubungan ini, saya mesti melahirkan rasa kesal kerana nampaknya Kerajaan masih belum menyediakan serta nampaknya enggan mengeluarkan laporan tentang kebakaran di bangunan berbilang tingkat itu. Dengan terus mendiamkan diri daripada mengeluarkan laporan tentang kebakaran Kompleks Campbell dan juga bekas Ibupejabat Bank Bumiputra oleh pihak berkenaan, ternyata bahawa terdapat banyak kelemahan dalam taktik pencegahan kebakaran kita di mana Kerajaan menghalang hal ini diketahui umum.

Tuan Pengerusi, untuk memastikan bahawa kita mempunyai perkhidmatan pencegahan kebakaran yang cekap, yang berkesan lebih banyak peruntukan hendaklah diberikan bagi membeli alat memadam api yang lebih moden dan sophisticated, di samping memberi latihan kepada semua pegawai bomba.

Mengenai perkara pencegahan kebakaran, saya ingin menyentuh rancangan Jabatan Bomba untuk menubuhkan Pasukan Bomba sukarela yang melibatkan penyertaan orang ramai.

Sekarang sudah 3 tahun berlalu sejak idea penubuhan pasukan ini mula disuarakan, tetapi nampaknya konsep ini tidak begitu berjaya dilaksanakan. Saya berharap bahawa konsep ini dihidupkan atau digerakkan semula dan keutamaan hendaklah diberi untuk menubuhkan Pasukan Bomba Sukarela. Dan ini hendaklah ditumpukan ke kawasan-kawasan yang mempunyai ramai penduduk seperti perkampungan setinggan, kampung baru serta kawasan industri kecil

yang sering terdedah kepada kebakaran. Unit Bomba Sukarela hendaklah juga ditubuhkan dalam kompleks-kompleks perniagaan, kilang-kilang perusahaan, firma-firma perniagaan yang besar dan juga di gudang-gudang. Tentunya, Tuan Pengerusi, penyelesaian yang utama ialah terletak pada pembukaan lebih banyak Balai Bomba kecil dalam semua kawasan yang sesak dan padat dengan penduduk seperti kampung baru. Tetapi sehingga ini dilaksanakan penekanan hendaklah diberikan untuk menubuhkan unit atau Pasukan Bomba Sukarela dalam kawasan-kawasan yang disebutkan oleh saya itu tadi.

Berhubung dengan kerja memadam kebakaran api di bangunan berbilang tingkat, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan supaya menubuhkan sebuah perkhidmatan helikopter yang khas yang mengambil tugas operasi untuk menyelamatkan sekiranya berlaku kebakaran di bangunan-bangunan berbilang tingkat. Walaupun tugas ini pada masa sekarang adalah diserahkan kepada TUDM, ini adalah tidak mencukupi oleh kerana yang diperlukan ialah sebuah pasukan yang khas, sebuah pasukan helikopter yang khas yang terlatih untuk tujuan ini, tambahan lagi Kerajaan hendaklah memastikan semua bangunan berbilang tingkat mengadakan helipadnya sendiri yang akan digunakan apabila kerja mneyelamat atau kecemasan dilakukan. Dengan ini, sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Telok Anson.

5.44 ptg.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Pengerusi, saya ingin hendak bercakap tentang program yang kedua—Perumahan, (c)—Penyelidikan dan Perancangan Teknik di muka surat 115, B. 16. Dalam muka surat yang sama juga iaitu program yang ketiga—Kerajaan Tempatan.

Saya ingin hendak bercakap mengenai Perkhidmatan Perpustakaan di muka surat 143.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya ingin teruskan dahulu muka surat 115.

Tuan Au How Cheong: Ya.

Tuan Pengerusi: Biar saya tahu yang telah dicakapkan selepas itu kita pergi pada muka surat 143.

Tuan Au How Cheong: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Saya ingin merayu kepada Bahagian Penyelidikan dalam Kementerian Perumahan ini supaya menyediakan beberapa standard plan perumahan kos rendah yang boleh digunakan oleh swasta di seluruh negara khasnya bagi penduduk-penduduk yang mendiami di kawasan-kawasan yang ditadbir oleh Kerajaan-kerajaan Tempatan. Sungguhpun ini mungkin bukan cadangan yang baru, tetapi setahu saya cadangan ini belum dilaksanakan lagi. Tidak boleh dinafikan lagi adalah hasrat bagi ramai rakyat untuk memiliki sebuah rumah sendiri, tetapi harapan itu adalah susah ditunaikan kerana kos tanah, barang-barang binaan dan lain-lain semakin lama semakin naik. Persediaan plan-plan bangunan berasingan dan masa panjang yang diambil untuk menimbang plan-plan itu adalah faktor-faktor yang menyumbang atas kos tinggi bagi perumahan kita. Sekiranya plan standard itu dapat disediakan dan disalurkan kepada Kerajaan-kerajaan Tempatan, orang ramai boleh menggunakan plan-plan itu dengan bayaran yuran-yuran tertentu sahaja. Ini akan menjimatkan masa, mengurangkan planning dan seterusnya kos pembinaan kita.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh juga tentang program yang ketiga—Kerajaan Tempatan. Kerajaan-kerajaan Tempatan diberi kuasa di bawah Seksyen 72 (A) dan 73 (A) Akta 171 untuk menjalankan perkhidmatan membuang najis manusia dan lain-lain. Saya ingin mendesak Kementerian ini supaya menggubal undang-undang tertentu untuk mengharamkan pembuangan najis oleh tangan-tangan pekerja kita, kegunaan orang untuk membersihkan dan membuang najis adalah satu kes eksploitasi yang nyata sekali oleh satu golongan rakyat kepada golongan yang lain.

Di negara-negara maju, Tuan Pengerusi, pekerja-pekerja kebersihan menggunakan sarung tangan untuk mengutip sampah dan

sampah-sampah yang tidak diisi dalam beg plastik tidak dikutip. Dalam negara kita masih terdapat sekumpulan pekerja-pekerja yang terpaksa mengangkut atas bahu mereka kekotoran yang dibuang oleh orang-orang lain. Adalah tidak sihat bagi pekerja-pekerja dan tidaklah moral dan mahupun berdosa bagi Kerajaan kita seterusnya menggaji pekerja-pekerja untuk tujuan ini.

Saya mendesak Kementerian ini supaya memperkenalkan dengan segera undang-undang yang memaksa tuan-tuanpunya rumah membina flushing system ataupun tandas tarik air dengan septic tank dan sebagainya dalam suatu tempoh ataupun jadual tertentu dan pembuangan najis oleh pekerja kita harus diberhentikan dan diharamkan di dalam suatu masa yang tertentu juga.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin hendak bercakap tentang program (4)—Perkhidmatan Perpustakaan dan (C)—Perpustakaan Bergerak di muka surat 143.

Tuan Pengerusi, saya percaya Kerajaan kita bersetuju betapa pentingnya peranan-peranan yang boleh dimainkan oleh perpustakaan untuk mengujud suatu rakyat yang literate ataupun yang boleh membaca dan menulis, menggalakkan tabiat membaca di setiap kalangan rakyat, menyebarkan pengetahuan dan seterusnya. Jadi saya berasa dukacita dapat mengetahui dalam negara kita yang penduduknya hampir 14 juta orang, kita hanya mempunyai 25 buah perpustakaan awam sahaja. Dan hanya 7 buah negeri iaitu Kedah, Selangor, Wilayah Persekutuan, Johor, Negeri Sembilan, Perlis dan Pulau Pinang yang menjalankan perkhidmatan perpustakaan bergerak. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan peruntukan yang lebih besar harus diuntukkan bagi menambah bilangan library dan memperluaskan perkhidmatan bergerak dalam negara kita.

Bagi library awam, saya berharap satu program dapat ditentukan supaya akhirnya sebuah library awam dapat didirikan di tiap-tiap daerah. Bagi perpustakaan bergerak pula, saya ingin mencadangkan supaya perkhidmatan itu dapat disampaikan kepada tiap-tiap kampung.

Tuan Pengerusi, antara kedua-dua perkhidmatan itu, saya berpendapat perpustakaan bergerak adalah lebih mustahak lagi dan patut disegerakan. Ini disebabkan kemudahan-kemudahan luar bandar pada biasanya adalah berkurangan, penduduk-penduduk luar bandar lebih memerlukan keterangan baru, berita baru, pengetahuan, teknik baru dan sebagainya dan library-library bergerak dapat memenuhi sebahagian besar matlamat ataupun cita-cita itu. Saya berharap antara kedua-dua perkhidmatan itu perpustakaan bergerak dapat diutamakan.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya ingin menyentuh tentang kelengkapan bagi kereta-kereta bomba di muka surat 136. Seperti Dewan ini maklum dalam beberapa kebakaran yang telah berlaku, kita menghadapi kesulitan, kekurangan air dan ini adalah satu perkara yang amat penting dalam satu kejadian kebakaran. Walaupun kereta-kereta bomba kita dilengkapi dengan alat-alat yang moden yang boleh mengempam atau menghisap air-air dari sungai tetapi sekiranya sungai itu tidak ada air, pam-pam itu pun sudah jadi tidak berguna.

Oleh yang demikian saya ingin mengesyorkan kepada Kementerian ini di samping mengadakan pam-pam yang moden, pihak Bomba seharusnya mengadakan lori atau tangki yang mengangkut air sendiri dan mungkin itu adalah salah satu daripada caranya untuk mencegah kebakaran buat di peringkat permulaan semasa kereta-kereta bomba berusaha mencari sumber air di lain tempat. Saya berharap penyediaan kenderaan tangki itu boleh ditimbangan sebagai salah satu daripada kelengkapan bagi perkhidmatan Bomba ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kangar.

5.51 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong peruntukan yang telah diminta oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, muka surat 115 berkenaan dengan Pentadbiran dan Kewangan, Kepala B. 16.

Tuan Pengerusi, memandangkan Kerajaan Tempatan bersangkut dengan tempatan dan perbandaran, ini adalah dijalankan oleh dua saluran. Satu saluran daripada kakitangan dan yang pentingnya perancangan selalu dijalankan oleh jawatankuasa Tempatan dan Bandaran yang berkenaan. Walaupun saya biasa merayu dalam Majlis ini, saya sekali lagi merayu kepada pihak yang berkenaan, kalau kita hendaklah satu-satu pemikiran yang waras merancang satu perkara tentulah keistimewaan yang setimpal patut kita beri kepada orang-orang yang berkenaan macam kita jadi Menteri, Wakil Rakyat, begitu juga ahli Majlis Tempatan.

Tuan Pengerusi, setahu saya elauun mereka ini daripada lama dahulu, tidak tahulah saya di tempat lain, di Majlis Tempatan dan Bandaran di Kangar amatlah murah dan tidak dinaikkan daripada awal sampai ke hari ini. Kalaulah perlu dan menasabah saya berharap hendak menaikkan banyak cukai seperti cukai pintu dan sebagainya untuk membiayai balik kepada tempat itu sendiri, barangkali pihak penggunaanya tidak begitu banyak wang. Jadi Kalaulah perlu dan menasabah saya berharap sangat di mana-mana Majlis Tempatan dan Perbandaran yang pendapatannya agak kurang, hendaklah pihak Kementerian sendiri mengambil daya usaha utama memberi peruntukan kepada mereka yang mana maksud saya kata tadi hendaklah elauun-elauun kepada ahli Majlis yang dahulunya \$100 patutlah dinaikkan sekurang-kurangnya \$200 dan elauun mesyuarat setahu saya dahulu \$15 hendaklah dinaikkan sekurang-kurangnya \$30. Kepada Majlis Tempatan pula, kalau mereka dahulu tidak menerima elauun bulanan, cuma elauun mesyuarat; hendaklah elauun-elauun mereka itu dinaikkan. Itu saya berharap sangat kerana ini adalah sebagai satu nadi penggerak untuk mereka bekerja.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan (b) Penyelarasan Pembangunan Aktiviti Jabatan-jabatan di bawah Kementerian, saya berharap di dalam bandar kita hendak maju, elektrik kita hendak bagus, jalan kita hendak elok, jadi saya percaya selalulah jalan-jalan diperbaiki dan elektrik diperbetuli. Saya berharap kalau boleh persamaan itu hendaklah diadakan selalu, misalnya di antara LLN dengan JKR. Jangan hari ini JKR korek,

besok LLN pula korek, 24 jam selalu jalan itu sana sini dikorek, di sini LLN korek, di sana JKR kambus. Saya percaya perkara ini harus boleh dibuat kerana setahu saya walaupun saya bukan seorang ahli Majlis Bandaran dan Tempatan, dalam ahli Majlis Tempatan selain daripada wakil-wakil yang khas maka setahu saya kebanyakan pegawai-pegawai patut diadakan sebagai misalnya dalam bandar LLN patut diadakan sama, pegawai daripada JKR, begitu juga pegawai daripada Jabatan Keselamatan, Polis, Jabatan Pengangkutan Jalan dan sebagainya.

Misalnya di tempat saya di Perlis, saya percaya tempat lain pun boleh jadi, lampu trafik pun tidak ada. Walaupun bandar Kangar itu satu pekan yang kecil tetapi oleh sebab sistem jalan itu tidak begitu teratur boleh dikatakan 2-3 hari sekali berlaku perlanggaran (accident). Saya berharap sangat perkara ini patutlah seboleh-bolehnya di zaman sains dan teknologi ini kalau di tempat itu ada bandar walaupun tidak seluas Kuala Lumpur, saya fikir patutlah diadakan lampu trafik dan sebagainya. Perkara ini telah dikemukakan beberapa kali oleh pihak-pihak yang berkenaan khususnya pihak-pihak yang bertanggungjawab dengan orang ramai. Saya berharap sangat apa yang saya cakap ini, bukan sahaja saya bercakap bahkan ini selalu dirayu oleh pihak yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya juga bercakap seberapa ringkas berkenaan perumahan kos rendah. Saya bersetuju dengan pendapat setengah kawan-kawan saya, kita berilah keutamaan kepada mereka yang tidak memiliki rumah. Walau kita buat sebanyak mana sekalipun, selagi rumah itu mendatangkan keuntungan, selama itulah orang yang ada rumah hendakkan rumah lagi. Dengan sebab itu orang yang tidak ada rumah tidak boleh dapat. Saya berharap pengkajian temuduga yang cukup rapi hendaklah dijalankan, bila didapati orang yang ada rumah hendak lagi rumah, patutlah didenda balik bukan sahaja setakat acuh tak acuh tetapi didenda kepada siapa yang ada rumah tetapi hendak lagi rumah sedangkan orang yang tidak ada rumah pun masih banyak. Kalau boleh pada pendapat saya memandangkan kepada zaman manusia telah bertambah ramai, kalau tidak silap saya 25

tahun sekali ganda walaupun kita ada berbagai-bagai perancang, namun tanah tidak bertambah.

Saya fikir lebih sesuai kalau dibanyakkan rumah-rumah pangsa. Biarlah ditempat mana pun hendaklah dibanyakkan rumah pangsa dan kawasan-kawasan itu diadakan tempat permainan, diadakan dewan untuk perhimpunan sivik di antara kaum yang ada di situ dan kalau boleh tempat peribadatan agama khususnya berkenaan dengan agama Islam sebagai agama rasmi. Kalau tempat itu bersesuaian diadakan masjid yang mana ramai penghuninya patutlah diadakan masjid, kalau tidak adakan surau dan sebagainya.

Setahu saya juga Majlis atau Kerajaan Tempatan ada peruntukan yang berkenaan, jadi patut sangat dibuat kerana macam saya kata petang semalam kalau kita ini ada di segi ekonomi dan sebagainya, kalau di segi sivik kepada masyarakat selama itulah kesetiaan kita kepada negara dan pergaulan di antara sama-sama rakyat yang ada dalam negara kita ini tidak begitu bertamadun dengan baik. Jadi saya berharap di samping kita adakan perumahan patutlah kita adakan dewan dan bukan sahaja ada dewan tetapi selalu kita adakan sivik untuk menjadikan tamadun di antara satu golongan dengan satu golongan supaya taat setia kepada negara di mana tempat mereka tinggal.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan (d) Skim Pinjaman Perumahan saya tahu selain daripada perumahan cara yang besar, ada juga cara kecil diberi kepada orang luar bandar menyewa rumah dengan syarat ada cagaran atau tanah yang bergeran. Saya minta dua perkara kalau boleh, satu dilonggarkan sedikit, tidak payahlah hendak nanti tanah yang bergeran, syarat tanah yang berkenaan yang diakui oleh pihak Kerajaan atau pihak Kementerian yang berkenaan tidak bersangkutan dengan sesiapa.

Ini saya tidak salahkan pemilik tanah, kerana kita dapati kadang-kadang kalau hendak tanah itu bergeran baru hendak boleh dijadikan cagaran biasa sampai 17 tahun permohonan tidak lulus, hendak kata tanah itu haram pihak Kerajaan sendiri tidak larang dia duduk di situ. Itu menunjukkan orang lain

tidak kacau, Kerajaan tidak kacau; sudah kita tahu sampai berpuluh tahun dia duduk walhal dia sudah minta geran tetapi tidak dapat. Patutlah tanah yang semacam itu diberi cagaran, kecuali yang baru duduk, dan tanaman itu hendak hidup, itu patutlah dapat pertimbangan daripada pihak yang berkenaan.

Yang kedua, ini berlaku di tempat saya sendiri satu hamba Allah membuat pinjaman sudah setahun tidak dapat lagi, syaratnya cukup yang tadi kalau boleh guna tetapi yang ini syaratnya cukup tetapi disebabkan red-tape, tangganya terlampau banyak selepas dihantar ke Pejabat Setiausaha Kerajaan yang bertanggungjawab di segi perumahan, dihantar pula ke Alor Setar yang kalau tidak silap saya ialah bagi pusat pinjaman utama di Malaysia kerana dari situ dihantar pula ke Kementerian Perumahan, Kuala Lumpur, sudah sampai setahun lebih walhal benda itu tidak apa yang susah, syaratnya semua cukup tetapi oleh sebab tangga pergi ke Alor Setar sampai Kuala Lumpur, balik ke Alor Setar, balik Kangar, dari Kangar ke Alor Setar sampai hari ini tidak dapat. Pergi balikklah. Daripada Kangar hantar ke Pejabat di Alor Setar, daripada Alor Setar hantar ke Kuala Lumpur, dari Kuala Lumpur hantar pula ke Alor Setar kemudian ke Kangar pula. Begitulah sebaliknya, pergi balik surat di antara satu pejabat ke satu pejabat namun wang tidak dapat sampai hingga hari ini. Saya harap sangat kepada Kementerian berkenaan mengawasi perkara ini supaya tidak akan berlaku lagi.

Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap seberapa deras yang boleh. Kedua saya bercakap berkenaan dengan B. 17 muka surat 129 berkenaan dengan bandar dan desa. Saya harap sangat-sangat perancangan bandar patutlah di awasi betul-betul sebagaimana saya katakan tadi mengikut tempat yang sesuai diadakan dan di samping itu di dalam bandar kebersihan adalah satu syarat yang utama. Kita sangat bahagia kalau ada satu bandar yang bersih. Dengan sebab itu saya harap sangat-sangat kalau satu-satu pihak membuat suatu kekotoran patutlah pihak berkenaan mengambil satu tanggungjawab. Walaupun saya selalu membuat soalan, tetapi Tuan yang di-Pertua selalu kata itu soalan lain. Saya inginlah mengemukakan sekali lagi

di sini walaupun makanan semua bangsa ada yang halal dan ada yang haram tetapi ada kala makanan itu jijik di lihat oleh setengah-setengah golongan, kalau tak jijik pun makanan orang Islam mesti dengan daging, kalau tidak kena baju darah yang dengan bintiknya itu menjadi kekotoran balik atau kalau kena darah bukan sahaja setakat kotor bahkan itu najis. Apatah lagi kadang-kadang itu pula kalau tidak sabit kotor setengah golongan jijik bagi setengah golongan. Saya harap sangat-sangat ini berlaku sangat-sangat di bandar Kangar dan saya percaya di tempat-tempat lain berlaku juga.

Saya bersyukur kepada Tuhan dan berterima kasih kepada Kerajaan Tempatan di bandar Kangar yang mana diadakan market khas, tempat penjualan daging-daging lembu dan kerbau begitu juga ayam-ayam. Tetapi saya amat dukacita ini bukanlah kita menghina satu kaum oleh kerana kita tidak makan tetapi berlaku di pekan Kangar dan di Pekan Kaki Bukit, yang mana penjualan daging lembu dan daging ayam telah disediakan oleh Majlis Bandaran tempat yang terpencil, kalau ke situ semata-mata hendak beli daging waima daging lembu ataupun daging kerbau juga membeli ayam. Tetapi sebaliknya bagi daging lain, Tuan Pengerusi, biar saya cakap terus terang, daging babi misalnya diadakan di persimpangan jalan, pendek kata dalam bandar Kangar itu ada dua tempat, yang kedua-duanya tempat tumpuan orang ramai ada dengan membeli-belah.

Begitu juga pekan Kaki Bukit bila saya ke sana melawat kawasan berkenaan selalu dibuat rayuan, saya telah hantar surat kepada pihak berkenaan tetapi sampai hari ini tidak diambil tindakan. Sekali lagi saya berharap, ini bukan kerana daging babi tidak dimakan oleh orang Melayu atau haram dimakan, bahkan daging lembu yang dihalaikan itu diadakan satu tempat yang terpencil khas. Saya haraplah perkara ini tidak harus berlaku dalam bandar Kangar sahaja, harus juga berlaku di tempat-tempat lain. Saya harap ini mendapat perhatian yang sewajarnya dari kementerian yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, di samping itu juga saya berharap sangat-sangat di samping perancangan bandar dan luar bandar yang ada

dalam perkara 3 ini, hendaklah Kementerian ini kalau boleh dalam perancangan luar bandar ini diadakan seperti saya kata kelmarin dari segi keselamatan ini sekarang untuk menambahkan pendapat orang kampung dengan perancangan luar bandar yang diadakan oleh Kementerian ini, kalau tidak silap saya di awal-awal kita merdeka dahulu kita ada RIDA, kalau tidak silap saya dibuat pertandingan kebersihan kampung yang berdasarkan kepada dua segi yang membawa kebaikan kepada kesihatan dan kebaikan kepada ekonomi. Misalnya kebersihan di segi kampung dititikberatkan, di segi tanam-tanaman kerana di samping kampung itu bersih hasil daripada rakyat pun ada. Jadi saya harap kalau boleh Kementerian ini menganjurkan majlis seumpama ini dengan menubuhkan satu kawasan Ulu Mukim, satu-satu Jawatankuasa, kalau tidak silap saya dijalankan oleh RIDA di masa yang lepas seboleh-bolehnya diadakan satu tempat, satu mukim itu satu dewan. Ini saya harap sangat-sangat yang mana hari ini banyak kampung-kampung yang kita hendak kerja walaupun ini tanggungjawab Pejabat Pertanian tetapi kalau diadakan sebagaimana saya katakan tadi pertandingan, mendorong semangat orang kampung, kampung pun bersih, kesihatan pun bagus kerana kita tahu kalau macam mana kita buat di segi kesihatan adalah amat penting.

Yang akhir sekali, saya hendak beri kawan-kawan saya bercakap lagi, B. 22 muka surat 159—Jabatan Pertahanan Awam.

Tuan Pengerusi, walaupun kita ada hospital dan sebagainya, saya bersyukur kepada Tuhan, saya dapati sendiri peranan yang dimainkan oleh Pasukan Pertahanan Awam ini amatlah berguna kepada masyarakat. Kalaulah satu-satu kecemasan malapetaka baik di segi banjir yang akan menimpa tidak berapa lama lagi begitu juga kemalangan yang lain, kalaulah kecemasan kemalangan itu tidak berapa teruk, saya dapati peranan yang dimainkan oleh ahli Pertahanan Awam ini amatlah cemerlang. Dengan sebab itu saya harap peranan yang semacam ini patutlah Kementerian ini menggalakkan seboleh-bolehnya semua orang mengambil bahagian apatah lagi muda mudi

kalau boleh saya berharap sangat-sangat menggalakkan bagi tiap-tiap sekolah khasnya bagi sekolah menengah patut sangat mengambil peranan seperti saya katakan tadi seperti Ahli Pertahanan Awam. Di samping itu juga saya dapati masa-masa kecemasan, kebakaran, banjir dan sebagainya dengan kepandaian yang ada pada mereka ala kadar mereka sanggup di masa banjir dan masa kebakaran untuk menyelamatkan manusia yang lain sekadar yang mereka tahu.

Kadang-kadang dengan sebab mereka biasa mendapat kemalangan untuk menolong orang lain. Saya berharap sangat-sangat perhatian kepada mereka patut ditimbalkan. Satu, yang mana mereka itu selalu mengadakan latihan patut elau batu untuk melatih mereka ini ditimbangkan, janganlah macam dahulu lagi mana elauannya terlampau rendah.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya berpendapat pakaian kepada mereka juga patutlah beri sampai dua pasang kerana mereka ini memberi perkhidmatan yang baik apatah lagi pada masa kecemasan.

Tuan Pengerusi, akhirnya dalam perkara ini, kita manusia yang terlampau ingin kepada bantuan ialah di masa kecemasan, masa kemalangan. Jadi orang yang selalu menolong semasa kecemasan dan masa kemalangan ini kalaulah kita tidak ambil perhatian yang serius pada pendapat saya tidaklah begitu patut bagi kita. Dengan sebab itu saya harap sangat-sangatlah Kementerian ini mengambil perhatian kepada apa yang saya katakan tadi. Demi untuk menjaga masa, dan untuk memberi peluang kepada kawan-kawan yang lain maka dengan ini saya menyokong peruntukan yang telah diminta.

Tuan Pengerusi: Saya akan minta Yang Berhormat Menteri menjawab pada pukul 6.45 petang. Sebab itu saya hadkan jangan lebih daripada 15 minit seorang. Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda.

6.10 ptg.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut (Ulu Muda): Tuan Pengerusi, saya juga bangun bersama-sama rakan saya yang lain menyokong di atas peruntukan yang diminta oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan

Tempatan ini saya ingin merujuk kepada muka surat 115 Butiran 1100 berkenaan dengan Gaji dan Upahan, Pecahan Program (1) (a) dan (c) dan juga (2) Perumahan dan seterusnya kepada (3) Kerajaan Tempatan.

Daripada peruntukan yang diberi saya nampak kegiatan Kementerian ini tidak mencukupi daripada apa yang diluluskan oleh Kerajaan itu maka saya mintalah kalau boleh dalam Mid-term Review perlu ditambah kerana aktiviti yang dijalankan oleh Kementerian ini begitu banyak sekali.

Saya ingin berucap berkenaan dengan Kemajuan Perkampungan dalam muka surat tersebut iaitu B.16. Kalau kita bercakap masalah perkampungan saya teringat banyak kampung-kampung baru wujud dalam masa darurat dulu dan kalau kita bercakap masalah kampung baru kita tidak boleh lupa kaitan kita dengan kampung-kampung baru orang-orang Cina. Tetapi di dalam kawasan pedalaman di sempadan dengan Thai, banyak wujud kampung-kampung baru yang dimiliki penduduknya lebih ramai daripada orang-orang Melayu dan juga orang-orang Thai. Saya ingin menyeru kepada Kementerian ini supaya memberi perhatian yang lebih baik lagi kepada kampung-kampung baru yang wujud dalam masa darurat dulu dan kalau kita bercakap kampung-kampung itu dibiarkan bukan sahaja dengan tidak mendapat perhatian apa-apa. Oleh yang demikian sebagai wakil rakyat di kawasan itu saya ingin benar berhubung dengan Menteri yang berkenaan dari satu masa ke satu masa supaya kampung-kampung baru ini juga yang menjadi mangsa darurat dahulu dipindah oleh Kerajaan supaya mereka ini dapat perubahan sedikit daripada apa yang mereka ada hari ini.

Tuan Pengerusi, berbalik saya kepada perusahaan awam kos rendah, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Kementerian kerana di dalam tempat saya baru wujud satu perumahan baru yang jumlahnya 80 buah rumah dan telah pun diduduki oleh penghuni-penghuni. Oleh kerana saya salah seorang ahli penemuduga memilih penghuni-penghuni rumah tersebut saya dapati rumah yang dibuat hanya 80 buah tetapi pemohon yang diterima lebih daripada 1,000. Ini membuktikan

bahawa banyak rakyat yang belum dapat rumah dan lebih banyak lagi rumah-rumah kos rendah jenis ini perlu diwujudkan di mana-mana juga dalam Malaysia ini kerana pekan-pekan kecil juga memerlukan kepada rumah-rumah jenis ini. Tetapi sungguhpun kita tahu bahawa rumah-rumah awam jenis ini adalah ditadbirkan oleh Kerajaan Negeri tetapi nasihat dan tunjuk ajar daripada Kementerian adalah perlu dan mustahak kerana terdapat di kawasan saya di Pendang 80 buah rumah siap disuruhnya orang masuk disitu tetapi apinya tidak ada, airnya tidak ada. Baru-baru ini pihak tempatan itu telah pun memberi api kepada mereka tetapi air tidak juga diberi. Kalau boleh kesalahan yang semacam ini janganlah berulang lagi kepada rakyat ataupun kepada penghuni-penghuni kerana mereka sangat perlu kepada air dan api, biarlah perumahan itu lengkap siap betul-betul baru kita beri kepada rakyat.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan Kerajaan Tempatan, ingin saya bercakap berkaitan dengan Kerajaan Tempatan ini kerana terdapat Penguasa Tempatan seperti di Alor Setar kita perlu beberapa orang pegawai ikhtisas yang mana adanya pegawai ikhtisas itu bekerja seperti akauntan, jurutera, peguam, akitek dan sebagainya tetapi oleh kerana prospek tidak ada bekerja dengan Penguasa Tempatan Alor Setar itu selepas setahun dua mereka meletak jawatan pergi mencari tempat lain di mana lebih baik masa depan mereka. Oleh kerana shortfall yang begini selalu berlaku di Penguasa-penguasa Tempatan yang kecil-kecil seperti bandar Alor Setar dan di lain-lain bandar di dalam Malaysia ini saya inginlah merayu kepada Kementerian ini supaya pegawai-pegawai ikhtisas ini boleh diberi pinjaman oleh Kementerian untuk bertugas di Penguasa Tempatan sepertimana yang dibuat oleh Jabatan Hutan, Jabatan Pertanian, Jabatan Parit dan Taliair dan juga JKR di mana pegawai-pegawainya adalah dipinjam daripada Kerajaan Pusat bertugas di Jabatan-jabatan berkenaan di peringkat negeri, jawatan yang dikuasai oleh Kerajaan Negeri.

Tuan Pengerusi, selaku Wakil Rakyat daripada Kedah, saya inginlah mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Pusat, kepada Kementerian khasnya kerana

memberi launching grant, launching grant kepada Penguasa Tempatan baru-baru ini dengan mana dapat launching grant itu dapatlah pihak Penguasa Tempatan membeli lori yang agak sempurna sedikit dan saya anggap launching grant ini janganlah sebagai launching grant semata-mata, biarlah di masa yang akan datang berilah pemberian tiap-tiap tahun kepada mereka kerana di seluruh negara kita ini Penguasa-penguasa Tempatan yang wujud itu kita tahu bahawa mereka tidak ada pendapatan yang lumayan kalaulah tidak ada bantuan dan pertolongan daripada Kerajaan Pusat.

Oleh yang demikian, saya mintalah kepada Kementerian yang berkenaan jangan hanya berpuas hati mengadakan grant kali pertama selepas itu kita lupa harap Penguasa Tempatan itu mencari ongkosnya sendiri untuk membiayai projek-projek yang dijalankan oleh mereka di tempat mereka itu. Jadi saya merayu dan meminta supaya annual grant patutlah diberi kepada mereka sepertimana yang diberikan kepada jabatan-jabatan lain.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat 132 berkenaan dengan bomba. Perkhidmatan Bomba kita tidak boleh menafikan bahawa adalah satu perkhidmatan yang maha penting di dalam negara kita dengan adanya kebakaran di sana sini. Sebagai contohnya di bangunan Parlimen kita ini tindakan mengawasi ataupun menjaga sebelum kebakaran berlaku saya khuatir kita tidak cukup alat kelengkapan di bangunan kita ini. Kalaulah kebakaran berlaku kita menunggu kereta bomba daripada stesenya di Jalan Shaw ataupun mana-mana juga kemungkinan sepertimana yang telah berlaku habis hangus rumah terbakar barulah kereta bomba sampai. Jadi oleh yang demikian saya agak bangunan-bangunan penting, bangunan-bangunan kepunyaan Kerajaan perlulah kita lengkapkan dengan alat-alat supaya sebelum kereta bomba tiba kita boleh bertindak lebih cepat supaya kebakaran itu tidak merebak dengan lebih cepat dan lebih merbahaya lagi.

Tuan Pengerusi, bercakap berkenaan dengan bomba ini saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kerana Kerajaan Pusat

telah pun mengambilalih Perkhidmatan Bomba di peringkat negeri menjadikan tanggungjawab Kerajaan Pusat, tetapi kita mengaku bahawa kita masih mengkaji, kita masih lemah di dalam perkhidmatan kita dan kita tidak lupa memperelokkan perkhidmatan bomba kita daripada satu masa ke satu masa dan inilah masanya saya agak kalau boleh saya minta Menteri yang berkenaan, Kementerian yang berkenaan lebih banyak pegawai-pegawai kita perlu dihantar ke negeri-negeri ataupun negara-negara yang lebih advanced daripada segi fire fighting.

Sebagai contoh saya agak negara Amerika adalah satu negara yang begitu advanced sekali. Di Arab Saudi cara-cara mereka mencegah kebakaran dan menjalankan perkhidmatan bomba begitu berkesan sekali kerana saya sendiri telah saksikan semasa saya berada di Mekah tahun sudah yang mana kebakaran dalam masa 5 minit boleh dipadamkan dengan begitu cepat sekali. Bagaimana dan cara mana mereka buat kalau hendak tahu saya mintalah Menteri hantar pegawai-pegawai pergi buat study bagaimana mereka boleh buat perkara yang semacam itu. Apa yang jelas saya tengok alat perkakas yang mereka gunakan itu adalah yang termoden sekali, yang lebih berkesan sekali apabila di Mina terbakar pada tahun sudah saya tengok Fire Brigade dengan helikopter mari sembur air dengan serta-merta dalam masa 5 minit boleh selesai masalah kebakaran itu. Dan kalau boleh kita di Malaysia juga, kita mesti adakan perkhidmatan bomba melalui udara di mana helikopter yang besar sepertimana yang kita lihat di Amerika, di Vietnam maka ini perlu, bagi menjalankan tugas ini dengan berkesan dan berguna dan begitu baik perlulah kepada latihan ataupun pelajaran-pelajaran kepada pegawai-pegawai kita yang perlu kepada pelajaran di masa ini.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya ingin bercakap berkenaan dengan Jabatan Cetak, di muka surat 150 yang mana juga di bawah kuasa Kementerian ini. Saya diberi peluang oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri melawat Jabatan Cetak dan kami berbincang dengan Ketua Pengarah Percetakan, masalah-masalah yang dihadapi oleh Jabatan Cetak begitu banyak sekali sedangkan di bangunan Parlimen kita ini apabila kita mula bersidang

kita dapati tidak banyak Bil-bil dibentangkan kepada kita, apabila kita tanya, Kementerian tidak siapkan. Bila tanya Kementerian, dia kata Pejabat Cetak tidak siapkan. Walhasil apabila diterangkan oleh Ketua Pengarah Percetakan kita tahu bahawa client ataupun jabatan-jabatan yang memberikan itu selalu kurang memberikan kerjasama kepada pihak Percetakan. Kerana apabila peruf dihantar balik kadangkala jabatan mereka memakan masa yang lama untuk meluluskan peruf itu, maka perkara semacam ini kita mintalah jabatan-jabatan lain berilah kerjasama kepada Jabatan Cetak.

Tuan Pengerusi, saya tengok oleh kerana kita di Parlimen ini menggunakan banyak percetakan maka adalah tiba masanya saya agak patutlah kita ada di bangunan Parlimen ini satu cawangan Jabatan Cetak di mana benda-benda yang penting kita boleh buat percetakan selain daripada apa yang kita cetak di Ibu Pejabat Percetakan di Jalan Chan Sow Lin dari segi keselamatan. Kalaulah kita di Parlimen ini ada bahagian cetaknya sendiri maka segala cetakan-cetakan keselamatan boleh dibuat di sini di samping menolong kita menyediakan Hansard dengan lebih cepat dan pantas lagi dan biarlah percetakan ini di bawah cawangan Jabatan Percetakan di Jalan Chan Sow Lin dan apa juga benda-benda yang hendak dicetak oleh Jabatan Perdana Menteri, oleh Khazanah Negara boleh dibuat di sini kerana di sini adalah lebih selamat, kalau kita tengok percetakan dibuat di Jalan Chan Sow Lin berbanding dengan di sini. Oleh yang demikian, saya minta kalau tidak ada peruntukan di tahun hadapan, mintalah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memikirkan hal ini betapa penting dan mustahaknya diadakan cawangan percetakan di Parlimen supaya memberi kemudahan dan keselamatan yang lebih sempurna dan teratur.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Baharu.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya menyokonglah peruntukan yang diminta oleh Kementerian ini dengan sepenuhnya.

6.24 ptg.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim-Bandar Bahru): Tuan Pengerusi, saya

bangun untuk memberi sedikit pendapat mengenai Maksud Bekalan 16 iaitu Butiran 1100 mengenai Perumahan Awam Kos Rendah. Apabila saya memikirkan tentang perumahan ini saya teringat pula masalah setinggan yang mana di bandar-bandar merupakan satu masalah yang kian rumit. Jadi, Tuan Pengerusi, kita semua memanglah megah dengan bandar-bandar kita ini tetapi kadangkala kita menghadapi keadaan-keadaan dimana kita tidak dapat membangunkan bandar-bandar kita dengan teratur dan licin oleh sebab masalah setinggan. Di mana sahaja ada tanah-tanah Kerajaan dalam bandar maka ada sahajalah setinggan.

Begitu juga kadangkala dengan tanah-tanah kepunyaan swasta juga ada setinggan dan sama ada tanah Kerajaan ataupun tanah kepunyaan swasta tidak dapat dibangunkan oleh sebab setinggan-setinggan ini selalunya telah membuat rumah di tempat-tempat itu sampai lima puluh enam puluh tahun, kadangkala tujuh puluh, lapan puluh tahun pun ada, jadi sukar sekali. Oleh yang demikian, saya rasa apabila Kerajaan merancang soal perumahan awam kos rendah di bandar-bandar maksud saya haruslah juga dikaitkan dengan masalah penempatan semula setinggan-setinggan secara besar-besaran. Saya rasa sudahlah sampai masanya Kerajaan memikirkan dengan seriusnya dan juga mengambil tindakan-tindakan yang segera untuk menempatkan semula setinggan-setinggan di semua bandar-bandar. Kalau kita tidak mengambil tindakan serta-merta dan sekarang juga maka sudah tentulah masalah ini merupakan lebih rumit lagi dalam masa-masa ke hadapan ini.

Sekarang ini kita terdapat keadaan di mana di sesuatu tempat sama ada tanah Kerajaan; kalau tanah Kerajaan misalnya kita perlu juga oleh sebab rakyat telah pun menduduki tanah Kerajaan ini berpuluh-puluh tahun, kita terpaksa juga memberi kemudahan-kemudahan bekalan air, api dan sebagainya. Tetapi kalaulah kita memberi pula kemudahan-kemudahan ini sudah tentu macam kita akan menggalakkan pula setinggan-setinggan yang lain. Sebaliknya kalau kita tidak memberi bantuan-bantuan ini maka ini merupakan satu kegagalan Kerajaan untuk memberi khidmat kepada rakyat.

Begitu juga dengan kawasan tanah setinggan-setinggan yang tinggal di rumah-rumah kepunyaan swasta jika Kerajaan memberi kemudahan-kemudahan seperti bekalan air dan elektrik ataupun membaiki jalan-jalan dan sebagainya, ini dengan secara langsung merupakan memberi kemudahan infrastruktur kepada tanah-tanah kepunyaan swasta, dengan sendirinya boleh dikatakan Kerajaan ini membiayai untuk menaikkan nilai tanah kepunyaan swasta. Tetapi kalau tidak diberi pula, maka ini juga merupakan satu problem oleh sebab sudah tentulah rakyat yang tinggal di situ berpuluh-puluh tahun merasakan mereka itu berhak mendapat bantuan Kerajaan dan sudah tentulah mereka akan timbul rasa tidak puas hati terhadap dasar-dasar Kerajaan. Jadi saya rasa sudah sampai masanya Kerajaan berfikir dengan seriusnya bagaimana dapat menyelesaikan masalah-masalah setinggan dengan mengadakan perumahan awam kos rendah di tempat-tempat di mana setinggan begitu banyak dan biasanya di tempat-tempat yang ada setinggan itu mereka menggunakan tanah dengan begitu tidak teratur tetapi kalau Kerajaan pergi di tempat-tempat itu sudah tentulah Kerajaan boleh mendirikan rumah-rumah pangsa dan sebagainya dan dengan itu dapat menempatkan lebih ramai lagi rakyat dalam tempat yang kecil. Jadi, itulah saya rasa Kerajaan haruslah merancang dari sekarang untuk menempatkan semula setinggan-setinggan di semua bandar-bandar menyelesaikan pelan-pelannya. Tetapi timbul soal peruntukan, di mana hendak dapat duit hendak bayar kepada engineer sedangkan peraturan-peraturan yang ada sekarang ini perlu menggunakan khidmat JKR.

Yang kedua, saya berbalik kepada Butiran 1100 iaitu Aktiviti (a) Pentadbiran dan Kewangan. Saya telah pun menyatakan dalam soalan tambahan saya tetapi saya begitu bimbang dengan masalah ini iaitu masalah saluran bantuan kewangan dari Kementerian ke Kerajaan Negeri dan seterusnya kepada Penguasa-penguasa Tempatan. Sebagaimana yang telah saya nyatakan untuk daerah saya—kawasan saya sendiri pada bulan sudah peruntukannya sampai bulan Ogos dan tahun ini pula keadaannya lebih terus lagi sampai bulan September; tinggal tiga bulan lagi

hendak habis sampai penghujung tahun. Apakah yang kita boleh buat? Jadi, selalunya projek-projek tidak dapat diselesaikan, selalu carry forward, jadi tidak ada pembangunan. Kadang-kadang apabila perkara ini dibangkitkan mereka menyatakan ke-lambatan itu adalah diperingkat negeri, tetapi saya telah pun selidiki perkara ini, bukanlah di peringkat negeri tetapi kelambatan adalah di peringkat Kementerian. Saya berharap pihak Kementerian dapat dengan seriusnya menyelesaikan masalah ini. Saya rasa banyak juga Ahli-ahli Parlimen yang lain pun telah membangkitkan perkara ini berkali-kali, Tuan Pengerusi.

Ketiga, ada masalah kekurangan pegawai-pegawai teknik di Kerajaan-kerajaan Tempatan. Maka oleh sebab itu kita terpaksa banyak bergantung kepada JKR, sedangkan kita tahu JKR tidak mempunyai kakitangan yang cukup untuk menyediakan pelan dan sebagainya. Oleh itu, sebagai satu penyelesaian jangka pendek inilah saya sarankan kepada pihak Kementerian untuk membenarkan Pengusaha-pengusaha Tempatan menggunakan pakar-pakar perunding ataupun draughtsman ataupun pegawai-pegawai teknik swasta dengan menggunakan sebahagian dari peruntukan projek itu sendiri. Misalnya, kalaulah telah diluluskan \$50,000 misalnya untuk memperbaiki Dewan Bandaran, maka kalau kita hendak serah kepada JKR mungkin akan mengambil masa setahun tetapi kalau kita serahkan misalnya kepada draughtsman ataupun juruteknik kelas II ataupun engineer dan sebagainya, mungkin dalam sebulan sahaja mereka ini boleh menyelesaikan pelan-pelannya. Tetapi timbul soal peruntukan, di mana hendak dapat duit hendak bayar kepada engineer sedangkan peraturan-peraturan yang ada sekarang ini perlu menggunakan khidmat JKR.

Jadi, saya rasa patutlah pihak Kementerian membenarkan pengusaha-pengusaha tempatan menggunakan misalnya maksima 10% dari peruntukan sesuatu projek itu untuk menggunakan pakar-pakar perunding swasta. Inilah caranya saya rasa dapat mengatasi masalah. Kalau kita hendak bergantung

kepada J.K.R. tak jadi, sebab mereka memanglah kekurangan kakitangan.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya pergi kepada muka surat 129, iaitu perkara Perancang Kawasan Bandar (Urban Planning). Kita telahpun mendengar berkali-kali bahawasanya pihak Kementerian telah dengan kerjasama Kerajaan Negeri sedang merancang untuk mengadakan Master Plan untuk bandar-bandar kita tetapi malangnya sungguhpun perkara ini telahpun dipercepat-campak selama 3 tahun yang sudah tetapi nampaknya tidak ada kemajuan langsung dalam menyediakan master plan untuk bandar-bandar. Jangan kata bandar-bandar kecil, bandar-bandar besar misalnya Kulim yang merupakan bandar ketiga besarnya dalam negeri Kedah tetapi sehingga sekarang tidak ada langsung suatu study yang dibuat untuk merangka suatu masterplan. Akibatnya maka tumbuhlah kawasan-kawasan perumahan di sana sini dan sudah tentulah pada masa hadapan kelak apabila kita sudah ada master plan nanti kita nampak keadaan itu berbagai constraint yang mana kita tak dapat membangunkan Kulim atau sesuatu bandar itu dengan cara teratur, dengan cara cantik, dengan cara yang boleh dapat menjadikan satu kemegahan kepada generasi yang akan datang.

Di samping itu dalam soal perancangan dan sebagainya, saya rasa kalaulah pihak Kementerian dapat menggunakan juga perunding-perunding kalau tak cukup dalam negeri, menggunakan perunding-perunding luar negeri, tetapi harus perkara ini diselesaikan dalam masa setahun sahaja. Saya rasa kalau Kementerian berazam dan bersetuju untuk menggunakan pakar-pakar perunding luar misalnya, saya rasa hampir kesemua bandar-bandar besar dalam Malaysia ini boleh mengadakan master plannya dalam masa setahun dan sudah tentulah selepas itu bandar-bandar kita dapat membangun dengan cara lebih teratur.

Dalam hubungan ini saya rasa sudah juga sampai masanya untuk pihak Kementerian mencari jalan bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri dan juga penguasa-penguasa tempatan bagaimana untuk hendak mencantikkan bandar-bandar kita

dengan taman-taman dengan tanaman pokok-pokok bunga dan sebagainya. Ini saya rasa Perdana Menteri kita yang baru telahpun menunjukkan minat yang begitu mendalam dalam soal mencantikkan bandar-bandar kita dan saya rasa ini memanglah kena pada tempatnya, kerana segala bandar kecil-besar merupakan pusat tumpuan rakyat di sekelilingnya, tempat rakyat pergi beristirehat, tempat rakyat hendak bermegah tentang dia ini datang dari kawasan itu, kawasan ini dan sebagainya, tempat pusat sivik, pusat sosial, pusat hiburan dan sebagainya. Oleh sebab itu saya rasa kita patutlah jangan mengira sangat untuk memberi sedikit peruntukan untuk mengindahkan bandar-bandar kita.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang dipohon itu.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Jerai.

6.34 ptg.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di dalam P. 16 muka surat 122, Butiran (1) Projek-projek di kawasan Pengusaha-pengusaha Tempatan.

Tuan Pengerusi, saya lihat daripada peruntukan yang diminta pada tahun 1982 ini adalah bertambah berlipatganda jika dibandingkan pada tahun 1981 \$6,600,000 sahaja tetapi pada tahun 1982 meningkat kepada \$35 juta. Ini adalah satu harapan yang amat tinggi terhadap perancangan-perancangan dan projek-projek yang dapat dilaksanakan di bawah Penguasa-penguasa Tempatan daripada peruntukan yang diberikan ini.

Apa yang saya ingin menarik perhatian di sini ialah tentang bagaimana keadaan-keadaan yang pernah berlaku di dalam kawasan-kawasan Penguasa-penguasa Tempatan di mana kerap kali kedapatan kebanyakan perancangan-perancangan yang dibuat untuk kemudahan-kemudahan di peringkat depan ataupun di kawasan-kawasan yang lebih baik sahaja jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan di pinggiran di dalam kawasan Penguasa-

penguasa Tempatan sendiri. Ini amat menyedihkan sekali kerana kerap kali di dalam kawasan Penguasa-penguasa Tempatan, kawasan-kawasan di pinggirannya itu adalah terdiri daripada perumahan-perumahan ataupun tempat tinggalnya kaum bumiputra sedangkan mereka juga adalah dikenakan bayaran-bayaran hasil pintu ataupun bayaran-bayaran cukai yang tertentu di dalam kawasan-kawasan Penguasa Tempatan itu sendiri, sebaliknya jika dibandingkan dengan perancangan-perancangan oleh pihak Penguasa-penguasa Tempatan kepada kemudahan-kemudahan bagi mereka ini adalah ketinggalan sekali walaupun kita sudah merdeka sejak 24 tahun lebih.

Tuan Pengerusi, dengan pertambahan ini saya berharap supaya diberi perhatian yang bersungguh-sungguh dan janganlah menjadikan kawasan-kawasan di pinggirannya ini dengan sarang-sarang nyamuk *Aedes* ataupun tempat-tempat pembuangan sampah sarap dengan tidak diberi sebarang layanan kemudahan-kemudahan jalan, lampu ataupun sebagainya. Biasanya kejadian ini berlaku pada masa-masa yang lalu dan apabila dibangkitkan maka dikatakan peruntukan tidak mencukupi tetapi pada tahun 1982 ini peruntukan boleh dikatakan berlipatganda. Adalah diharapkan ianya akan diambil perhatian dan sebaik-baiknya merancang sesuatu yang memberi menafaat kepada seluruh masyarakat di dalam kawasan-kawasan Penguasa Tempatan itu sendiri untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan daripada projek-projek yang diperuntukkan di bawah peruntukan ini.

Tuan Pengerusi, satu lagi yang saya ingin menyentuh di sini ialah dalam P. 21, muka surat 157 butiran (1) dan (2) Tambahan bagi Pejabat Percetakan dan juga Mesin dan kelengkapan bagi Pejabat Percetakan.

Saya juga amat tertarik hati dengan pertambahan yang tinggi dibandingkan pada tahun 1981 kepada kedua-dua bidang ini, iaitu tambahan bagi Pejabat-pejabat Percetakan dan mesin-mesin kelengkapan Jabatan Percetakan ini memandangkan bahawa bertambahnya beban-beban kerja yang wujud sekarang ini dan jika dibandingkan dengan

tanggungjawab yang ada sekarang ini kemampuan hanya 70% daripada beban dan tanggungjawab yang ada. Jadi adalah wajar sekali dengan pertambahan ini akan dapat memberi lebih keselesaan dan kesempurnaan untuk memberi kemampuan kepada Jabatan Percetakan Negara ini untuk dapat menjalankan tugas dan peranan sewajarnya sepertimana peranan dan tugas yang dibebankan.

Saya juga menyokong penuh di atas cadangan dan saranan oleh Wakil dari Ulu Muda tadi tentang perlunya diadakan Bahagian Percetakan yang khusus yang bertanggungjawab kepada persediaan-persediaan kertas-kertas keselamatan ataupun bahan-bahan keselamatan dan juga Rang Undang-undang untuk perbincangan di Dewan Rakyat ini dan perkara-perkara lain yang rasanya penting diadakan bersendirian daripada bidang percetakan umum yang ada sekarang, kerana dengan adanya cabang ataupun bahagian berasingan ini akan memberi kesempurnaan kepada penyediaan semua Bil ataupun Rang Undang-undang yang akan dibentangkan dalam masa yang diperlukan dan mungkin juga bahan-bahan lain yang diperlukan bagi sesuatu report atau kenyataan-kenyataan dapat diadakan dengan secepat mungkin.

Satu lagi yang seharusnya menjadi perhatian sekarang ini ialah tentang banyak bahan-bahan percetakan yang sekarang ini bergantung kepada percetakan yang ada di luar negeri, misalnya soalan-soalan peperiksaan, pasport dan juga perkara-perkara lain yang menjadi perkara keselamatan. Sepatutnya percetakan ini dibuat sendiri oleh Jabatan Percetakan Negara yang bertanggungjawab terhadap Kerajaan kita daripada kita memberikan percetakan-percetakan luar negeri untuk dipertanggungjawabkan mencetak bahan-bahan ini semua. Di segi keperluan ekonomi, mungkin dengan adanya kemudahan-kemudahan di dalam negeri dan di dalam Jabatan Percetakan ini sendiri akan memberi sedikit kurang perbelanjaan dan di segi peluang pekerjaan pula mungkin akan dapat mempertingkatkan peluang pekerjaan bagi

anak-anak negeri ini sendiri di dalam bidang percetakan yang seumpama ini.

Tuan Pengerusi, satu lagi ialah memandangkan bahawa Jabatan Percetakan yang ada di Jalan Sungai Besi sekarang ini boleh dikatakan sudah menjadi kawasan terdesak ataupun terhimpit jika dibandingkan dengan pembangunan-pembangunan jambatan dan jalan-jalan yang ada, jadi adalah menasabah dan berpatutan di bawah Kementerian ini supaya menimbang peruntukan pertambahan di masa yang akan datang untuk memberikan satu kawasan yang lebih memberi keselisaan dan kesempurnaan kepada Jabatan Percetakan dan untuk menjamin keselamatan di dalam bidang percetakan ini juga.

Dengan ini, saya menyokong peruntukan yang diminta di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan khususnya di dalam bidang yang saya perkatakan tadi.

Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Arau, masa ada 6 minit lagi.

6.41 ptg.

Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed (Arau): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh satu dua perkara di dalam Kementerian ini. Pertama sekali muka surat 115. Butiran 1100. Program (1) Perkhidmatan Bantuan.

Tuan Pengerusi, saya menyokong apa yang disarankan oleh wakil dari Jerai tadi berkenaan dengan nasib kampung-kampung tradisional di dalam kawasan Majlis-majlis Bandaran dan Penguasa-penguasa Tempatan, kerana kampung-kampung sedemikian itu tertinggal lebih dahsyat lagi daripada kampung-kampung di luar bandar kerana kampung-kampung yang ada di luar bandar mendapat peruntukan daripada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bagi memenuhi kehendak-kehendak infrastruktur di kampung-kampung itu, tetapi kampung-kampung tradisional di

pinggir-pinggir bandar dan di dalam kawasan Penguasa Tempatan tertinggal dengan tidak mendapat apa-apa peruntukan. Jalan-jalan yang sempit yang tidak terpelihara, begitu juga longkang-longkang yang tidak sempurna, lebih-lebih lagi ialah sistem membuang najis di dalam kawasan ini masih menggunakan tenaga manusia.

Di dalam soal ini saya menyarankan kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengadakan satu skim subsidi ataupun skim bantuan pinjaman kepada penduduk-penduduk di dalam kawasan ini. Kalaulah di luar bandar ada skim subsidi diberikan oleh Jabatan Kesihatan bagi menggalakkan penggunaan tandas-tandas curah dan sekarang ini telah banyak digunakan di dalam kampung-kampung tetapi di dalam kampung tradisional di pinggir-pinggir bandar di dalam kawasan Majlis Bandaran dan Penguasa Tempatan masih menggunakan tenaga manusia. Kalaulah ini di dalam masa penjajah dahulu boleh diadakan, kerana sekarang ini kita telah merdeka lebih daripada 20 tahun tidaklah patut lagi kita kekalkan sistem mengangkat najis itu dengan menggunakan tenaga manusia kerana ini merupakan sebagai satu perkara menunjukkan kita masih mengakui sistem berbeza-beza di antara satu golongan dengan satu golongan yang lain. Golongan yang rendah diberikan kerja yang begitu tidak memuaskan, begitu tidak diingini. Jadi, kalaulah ada satu skim bantuan ataupun subsidi bagi mengatasi sistem pengangkutan najis ini ataupun skim pinjaman kerana mereka ini membayar tiap-tiap bulan bagi mengangkut najis di rumah-rumah mereka dan kalaulah skim pinjaman itu diberi kepada mereka bagi mengadakan jamban-jamban curah ataupun sebagainya boleh diberikan pinjaman kepada mereka dan dikutip balik bulan-bulan daripada mereka. Dengan cara itu dapat kita menghapuskan sistem yang usang itu bagi mengadakan sistem yang elok dan sesuai di masa sekarang ini.

Tuan Pengerusi, menyentuh pada B.17, muka surat 129, Butiran 1100, Program (2) dan (3) Perancangan Kawasan Bandar dan Perancangan Luar Bandar.

Sekarang ini banyak tumbuh bandar-bandar kecil di merata-rata tempat. Walaupun

ada rancangan-rancangan untuk membuat perancangan tetapi nampaknya tidak begitu berkesan hari ini, kerana bandar-bandar kecil itu tumbuh dengan sendirinya dan dengan tidak terkawal.

Di tempat saya di dalam kawasan Perairan Muda misalnya banyak tumbuh pekan-pekan kecil tidak dikawal dengan satu plan yang sempurna.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.47 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu suka saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Kementerian saya.

Banyak masalah dan pandangan telah dilahirkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat atas bahagian-bahagian di bawah Kementerian saya seperti perumahan, Bahagian Kerajaan Tempatan, Bahagian Perancang Bandar dan Desa, Perkhidmatan Bomba, Jabatan Perpustakaan Negara, Jabatan Percetakan Negara dan Jabatan Pertahanan Awam.

Saya sedar tentang masalah-masalah yang telah disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sejak saya mengambil alih Kementerian ini, saya telah merancang dan menjalankan tugas untuk mengatasi masalah-masalah tersebut. Saya sedar ada masalah-masalah seperti perumahan, Kerajaan Tempatan dan di lain-lain bahagian telah diselesaikan tetapi masih ada lagi masalah-masalah yang belum dibeskan.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menimbulkan tentang Jabatan Perpustakaan Negara. Tuan Pengerusi, tadi Ahli Yang Berhormat dari Setapak ada menimbulkan

tentang pentingnya Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia patutlah mempunyai bangunannya yang tersendiri.

Sukacita saya menyatakan di sini bahawa di bawah Rancangan Malaysia Keempat sebuah bangunan bertempat di Jalan Pekeliling, Kuala Lumpur seluas 5 ekar tanah diperuntukkan untuk dijadikan bangunan Perpustakaan Negara dan bangunan ini akan menempatkan semua koleksi, kakitangan perkhidmatan sehingga tahun 2,000. Bangunan ini dijangka seluas 238,000 kaki persegi dan dapat mengisi lebih kurang 1,955 pengguna-pengguna pada setiap masa. Juru perunding swasta telah pun dilantik untuk projek ini. Adalah dianggarkan bahawa projek ini akan siap dalam tahun 1984 dengan menelan belanja sebanyak \$25 juta.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr Mahathir Mohamad telah bersetuju tentang rekabentuk yang terakhir yang melambangkan rajah dalam ertikata yang sebenarnya yang disediakan oleh Juru Perunding. Dalam tahun 1982 sebanyak \$3 juta telah diperuntukkan untuk pembinaan Bangunan Perpustakaan Negara Malaysia. Lukisan awal untuk bangunan baru ini telah pun disediakan dan diharap projek ini dijangka akan siap pada tahun 1984.

Mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat dari Setapak dan juga Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson tentang kurangnya bilangan perpustakaan awam di seluruh negara, Kementerian saya sedar tentang kedudukan ini. Oleh yang demikian di bawah Rancangan Malaysia Keempat, lebih banyak Perpustakaan Cawangan dan Perpustakaan Bergerak akan diadakan. Sebanyak 12 buah Perpustakaan Cawangan dan 20 buah Perpustakaan Bergerak akan diadakan di seluruh negara di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Setapak, tiga buah Perpustakaan Cawangan akan didirikan dalam tahun 1982, satu di Wilayah Persekutuan yang menelan belanja sebanyak \$1 juta, satu lagi di Baling yang menelan belanja \$0.5 juta dan yang akhirnya di Temerloh yang juga menelan belanja sebanyak \$0.5 juta.

Tuan Pengerusi, pembinaan bangunan Perpustakaan Awam Negeri akan juga dilaksanakan dalam tahun 1982. Wang sebanyak \$3.8 juta adalah diperuntukkan untuk maksud ini. Pembinaan bagi Perpustakaan Awam Negeri Kelantan yang sudah berjalan dalam tahun 1981 akan diteruskan dan dijangka akan siap pada akhir bulan November, 1982. Pembinaan Perpustakaan Awam Negeri Melaka, Kedah dan Perlis akan bermula pada tahun 1982.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah memberi komen-komen atas Jabatan Percetakan Negara di bawah Kementerian saya. Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda dan Jerai, telah menimbulkan satu bahagian atau satu kemudahan di Bangunan Parlimen untuk mencetak Laporan-laporan Parlimen (*Hansard*) atau lain-lain laporan dan sebagainya di Parlimen ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam ucapan menggulung pada 10hb. November baru-baru ini, saya telah juga memberitahu Ahli Yang Berhormat dari Panti bahawa Kerajaan akan mengkaji atas cadangan untuk menubuhkan Bahagian Percetakan Khas untuk Parlimen dan juga didapati perlu dan mustahak, akan mendapatkan peruntukannya semasa Kajian Separuh Penggal ataupun jika dikehendaki disegerakan, Kementerian saya akan menggunakan dahulu peruntukan pembangunan yang sedia ada.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah menimbulkan mengenai elaun latihan untuk anggota-anggota Pasukan Pertahanan Awam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Kementerian saya telah pun mengemukakan satu memorandum yang lengkap kepada Kementerian Kewangan dan saya difahamkan bahawa syor-syor untuk menaikkan kadar elaun latihan itu sedang dikaji.

Mengenai pakaian seragam untuk anggota-anggota Pasukan Pertahanan Awam, adalah menjadi amalan Jabatan Pertahanan Awam untuk membekalkan dua pasang pakaian seragam kepada tiap-tiap ahli Pasukan Pertahanan Awam.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada panjang lagi hendak menjawab?

Dato' Dr Neo Yee Pan: Panjang.

Tuan Pengerusi: Baik, boleh sambung pada hari Isnin.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 16hb November, 1981.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.